AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 45 | RABU 7 NOVEMBER, 1984. | رابو 12 صفر 1405 | PERCUMA



DUTA Peranchis ke Negara Brunei Darussalam Tuan Yang Terutama Monsieur Jacques Berniere menyembahkan Surat Tauliah Perlantikannya ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

# KONSEP PENGHARGAAN PENTING

Oleh Aisah Piee

TUTONG. — Kaum pendidik di negara ini diingatkan supaya sentiasa memahami dan membaharui pengetahuan mereka dalam ilmu saikoloji pendidikan kanak-kanak, terutama mengenai konsep penghargaan dan denda yang memainkan peranan penting dalam konteks pertumbuhan kanak-kanak.

Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong menegaskan bahawa penggunaan seharihari kedua konsep penghargaan dan denda dirasa seolah-olah menjadi kebiasaan dan kelaziman, sama ada disedari atau tidak kesannya terhadap perkembangan hidup seorang kanak-kanak.

### PENGHARGAAN

Dalam hubungan ini, tegasnya lagi, perkara utama patut dinilai ialah kesan dari penggunaannya dalam konteks pertumbuhan atau perkembangan hidup seseorang kanak-kanak, menilai kesan pujian atau sebaliknya, supaya ianya tidak dipandang sebagai sesuatu yang lumrah.

Penghargaan yang dimaksudkan, jelas Awang Haji Abu Bakar, boleh jadi dalam bentuk benda atau material atau dalam bentuk ucapan pujian terhadap sesuatu kerja atau performance yang memuaskan, dan denda yang mungkin merupakan physical punishment atau dalam bentuk ucapan yang kurang diingini oleh murid berkenaan.

### SIFAT MURID

"Sebagai pendidik adalah tanggungjawab kita untuk mengenali dan memahami sifat-sifat luar dan dalam setiap murid di dalam sebuah darjah serta memahami tahap kebolehan masing-masing, dapat membezakan antara yang cepat, sederhana dan lemah dan sekali-kali tidak akan mendenda yang lemah kerana tidak memenuhi jangkaan atau expectations kita," jelas Pengarah Pelajaran itu.

"Ahli-ahli saikoloji ada merumuskan bahawa kanak-kanak yang hidup dengan diberikan penghargaan atau dorongan akan menjadi lebih percaya kepada diri sendiri dan tahu untuk menghargai sesuatu. Sementara kanak-

Lihat muka 6

# DUTA PERANCHIS SEMBAH SURAT TAULIAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Khamis lepas berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan bagi Duta Peranchis ke negara ini Tuan Yang Terutama Monsieur Jacques Berniere di Istana Nurul Iman.

Diplomat Peranchis tersebut beribu pejabat di Singapura antara lain pernah berkhidmat di Brussels, Bonn dan Jakarta, menyembahkan Surat Tauliah perlantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu dari itu di perkarangan Istana, Tuan Yang Terutama Monsieur Jacques Berniere telah dialu-alukan dengan satu perbarisan kawalan kehormatan dari seramai 30 anggota Batalion Kedua Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di bawah pemerintah Leftenan Muda Ramli bin Abdul Hadis.

Sejurus selepas menyembahkan Surat Tauliah perlantikannya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya berkenan menerima mengadap T.Y.T. Duta Peranchis itu●

### MANISNYA IMAN

"MEREKA bersumpah kepada kamu dengan (nama) Allah kerana hendak menyenangkan hati kamu, padahal mereka lebih patut memperbuat apa yang menyenangkan Allah dan Rasul-Nya, kalau mereka betul-betul beriman." — Makna ayat 62 Surah Al-Bara'ah.

# TAKZIAH UNTUK INDIA

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah melahirkan rasa terkejut atas kematian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri India, Puan Indira Gandhi.**

**Dalam perutusan takziah yang dikirim kepada Tuan Yang Terutama Presiden India, Tuan Zail Singh pada hari Khamis lalu, Baginda menyampaikan ucapan takziah kepada Tuan Yang Terutama, Kerajaan dan rakyat India dari Baginda sendiri, Kerajaan serta rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.**

**Puan Indira Gandhi ditembak mati di luar kediamannya di New Delhi pada hari Rabu lalu.**

# PENGURNIAAN GELARAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menaikkan pangkat gelaran kepada dua orang Pehin Menteri Ugama.

Istiadat pengisytiharan kenaikan pangkat gelaran dan mengurniakan chiri kepada Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim dan Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah dilangsungkan di hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia petang semalam.

Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya dikurniakan gelaran **Y.D.M. Pehin Siraja Khatib** manakala Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz kini bergelar **Y.D.M. Pehin Tuan Imam.**

Istiadat yang berlangsung di Lapau itu diikuti dengan Istiadat Mengurniakan Gelaran kepada Yang Mulia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman yang dikurniakan gelaran Pehin Manteri Ugama.

Yang Mulia Ustaz Awang Haji Badaruddin, Pengarah Penerangan sekarang dikenali sebagai **Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib.**

Terdahulu sebelum Istiadat Pengurniaan Gelaran itu, Istiadat Mengagai bagi Yang Mulia Ustaz Awang Haji Badaruddin telah diadakan di Lapau pada hari Khamis 1 November.

Istiadat tersebut telah dilangsungkan di hadapan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Istiadat Mengagai ke kediaman Yang Mulia Ustaz Awang Haji Badaruddin itu dikepalai oleh YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Masri.

Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

7 NOVEMBER, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## REAKSI TERHADAP TULISAN MUFTI:

## SUDAH MASANYA KITA MEMBUKA MATA

Tulisan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Kerajaan mengenai Kelab Rotary dan Kelab Lions dalam akhbar ini telah menimbulkan reaksi dari kalangan anggota dan pemimpin-pemimpin kedua-dua kelab yang cuma diketahui di negeri ini menerusi kegiatannya dalam bidang kebajikan dan sosial. Menurut laporan akhbar, berikutan daripada ulasan-ulasan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja ke atas kedua-dua kelab tersebut sebagai mempunyai hubungan yang rapat dengan pertubuhan Free Mission yang diketahui berasal daripada satu gerakan zionist antarabangsa dan bertentangan dengan ajaran Islam, kepentingan Islam, umat Islam dan negeri Islam maka seorang pegawai kanan Kerajaan telah dikatakan menarik diri dari menyertai kelab berkenaan itu. Sementara seorang lagi pegawai kanan kerajaan akan terlebih dahulu menemui Mufti Kerajaan itu bagi mendapatkan penjelasan sebelum menentukan kedudukan sebagai pemimpin salah sebuah daripada kelab yang dipersoalkan itu.

Sesungguhnya reaksi yang timbul itu sepatutnya akan membuka mata lebih ramai orang terhadap kedudukan badan-badan atau kelab-kelab seperti Kelab Rotary dan Kelab Lions itu. Kedua-duanya adalah pertubuhan yang bergerak cergas dengan melibatkan kalangan-kalangan profesional dan ahli-ahli perusahaan serta perniagaan. Pada suatu peringkat dahulu ia kelihatan sebagai pertubuhan sosial setengah-setengah kalangan orang-orang asing di negeri ini tetapi perlahan-lahan mencuba mengubah image tersebut dengan menarik orang-orang tempatan dan bahkan juga pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan ahli-ahli perniagaan yang terdiri daripada rakyat negara ini untuk menjadi pemimpinnya itu menganggotai pimpinan tertingginya. Dan orang ramai semakin mengenal kedua-dua kelab tersebut sebagai pertubuhan biasa dengan kegiatannya mengumpul dan memberikan sumbangan derma kepada orang-orang yang memerlukan bantuan. Dengan secara itu perhatian umum terhadap hakikat kelab-kelab tersebut hampir sama sekali tidak mengaitkannya dengan Free Mission antarabangsa kedua-duanya.

Sebenarnya persoalan mengenai Free Mission, Kelab Rotary serta Kelab Lions sudah pernah didedahkan menerusi rencana-rencana bersiri dalam akhbar ini juga. Bahkan kita dapat mengingat bahawa suatu masa dahulu orang ramai diberitahu bahawa ada percubaan-percubaan oleh pihak-pihak tertentu bagi menyeret setengah-setengah kalangan yang berpengaruh di negeri ini ke dalam badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan yang bersifat antarabangsa yang objektif jangka panjangnya adalah diragukan. Tetapi reaksi pihak-pihak berkenaan tidaklah sejelas seperti yang timbul baru-baru ini berikutan daripada tulisan Yang Dimuliakan Mufti Kerajaan itu. Menerusi reaksi itu kita dapat mengukur bahawa penyertaan orang kita dalam kegiatan Kelab Rotary dan Kelab Lions seolah-oleh sebagai penyertaan biasa bagi menyalurkan kegiatan dan pimpinan dalam bidang-bidang sosial. Seolah-olah juga penyertaan mereka itu tanpa terlebih dahulu mengetahui akan latar belakang kelab-kelab tersebut dalam ertikata asal-usulnya yang mempunyai kaitan dengan pertubuhan Free Mission. Memanglah penyertaan ke dalam kelab-kelab yang bersifat antarabangsa sedemikian itu selalunya membanggakan setengah-setengah orang apa lagi menerusi pergaulan yang luas dalam berbagai aktiviti akan merupakan exposure kepada pihak-pihak yang berpengaruh dalam kalangan profesional dan ahli-ahli perniagaan serta perusahaan, dan bahkan juga ada kalanya kepada orang-orang yang terkemuka.

Tetapi syukurlah tulisan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja itu nampaknya akan menyedarkan semua pihak. Sekalipun kita berfaham bahawa tulisannya yang disiarkan itu bukanlah merupakan suatu fatwa rasmi tetapi dengan pendedahan yang dibuat mengenai hakikat sebenar kedua-dua kelab tersebut sebagai berasal dan berkaitan dengan pertubuhan Free Mission antarabangsa maka kalangan kita orang-orang Islam tentulah patut mengambil ingatan dan setentunya insaf akan akibat penyertaan atau sokongan kepada badan-badan atau kelab-kelab yang objektifnya telah dicurigai itu. Dari satu segi yang lain dapat pula dikatakan bahawa Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja menulis mengenai hal ini dengan merujuk kepada siasatan dan penyelidikan yang telah dibuat oleh suatu pertubuhan Islam antarabangsa yang berpusat di Mekah iaitu Rabitah Al-Alam Al-Islami termasuk juga ketetapan yang dibuat oleh Lembaga Fekah Islam Sedunia dalam tahun 1978. Kesimpulan kajian dan siasatan tersebut mengingatkan akan bahaya pergerakan, penyertaan dan juga sokongan kepada pertubuhan Free Mission antarabangsa yang anti ugama dan bertentangan dengan ajaran Islam serta membahayakan kepentingan umat Islam dan negara-negara Islam. Pertubuhan tersebut mempunyai kaitan dengan Kelab Rotary dan Kelab Lions antarabangsa. Kerana bahaya-bahaya yang tersembunyi dan juga maksud-maksud tertentu yang sulit pertubuhan asal itu ''maka barangsiapa bergabung dengan Rotary dan Lions itu setelah ia mengetahui akan hakikat dan kedudukan pertubuhan tersebut maka ia dihukumkan sebagai terkeluar dari ugama Islam.'' Tentulah implikasi yang sedemikian itu sangat berat. Kerana itu adalah bijak bagi mana-mana orang Islam yang terlibat dan pihak-pihak yang berkenaan memberi perhatian yang sungguh-sungguh kepada kesimpulan yang dibuat oleh Pertubuhan Rabitah Al-Alam Al-Islami dan Lembaga Majlis Fekah Sedunia seperti yang diketengahkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja dalam tulisannya itu.

Dalam apa hal sekalipun kita memang sepatutnya dan sewajibnya terus-menerus berhati-hati dari sebarang pengaruh yang boleh membahayakan kepentingan kita. Yang dimaksudkan dengan 'kepentingan kita' itu tidak lain tidak bukan ialah keteguhan akidah Islamiah yang tulen sebagai sandaran yang utama bagi keselamatan serta kesejahteraan negara kita yang sedia dengan sifat dan coraknya sebagai Negara Melayu Islam Beraja.

# PENDAFTARAN KAPAL KINI DIBUKA

### MUQADDIMAH

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah pun menguatkuasakan beberapa bahagian daripada Undang-Undang Perkapalan Pedagang 1982 mulai 1 September, 1984 yang baru lalu bagi membolehkan negara ini mendaftarkan semua kapal-kapal Brunei. Berikutan dengan itu di bawah ini diaturkan beberapa panduan untuk para pemilik kapal yang akan mendaftarkan kapal-kapal mereka.

KAUM perkapalan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Daftar Kapal-Kapal Brunei di bawah peruntukan-peruntukan Undang-Undang Perkapalan Pedagang 1982. Kapal-kapal yang dikehendaki didaftar ialah kapal-kapal Brunei iaitu kapal-kapal yang dipunyai keseluruhannya oleh orang-orang Brunei atau badan-badan bersekutu yang ditubuhkan di bawah, dan tertaaluk kepada undang-undang Brunei dan mempunyai tempat perniagaan utamanya di Brunei. Kapal-kapal yang dikecualikan dari pendaftaran ialah:—

i) apa jua kapal yang tidak melebihi muatan seberat 15 ton yang dipergunakan semata-mata dalam pelayaran di perairan Brunei, dan
ii) mana-mana kapal berlesen Brunei.

2. Dalam perkara pendaftaran yang disebutkan di atas pemilik-pemilik kapal adalah diingatkan bahawa jika sesebuah kapal yang dikehendaki didaftar itu tidak didaftar maka kapal itu tidaklah diakui sebagai kapal Brunei dan tidak akan dibenarkan mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam pada kapal itu.

3. Bagi panduan pemilik-pemilik kapal Brunei maka berikut diterangkan secara ringkas cara-cara dan peraturan-peraturan kapal:

3.1 Permohonan Awal

i) Ada baiknya menghadapkan surat permohonan secara rasmi tujuan untuk mendaftarkan kapal itu dengan menyatakan nama dan jenis kapal, dan adakah kapal itu baru atau dibeli dari pihak lain.

Surat boleh ditujukan kepada:

Pendaftar Kapal-Kapal Brunei,
Jabatan Laut
Kementerian Perhubungan
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

ii) Pemilik-pemilik kapal adalah diminta meneliti peruntukan-peruntukan di bawah seksyen 42 dari Undang-Undang Perkapalan Pedagang 1982 berhubung dengan nama kapal. Apa-apa persoalan mengenai nama kapal bolehlah dihadapkan kepada Pendaftar.

3.2 Borang-borang Untuk Diisi

i) Setelah permohonan diterima dan didapati sesuai, maka permohonan akan diberikan:
   a) Nombor rasmi (official Number) bagi kapalnya.
   b) Isyarat panggilan (Call sign). Sila ambil perhatian kapal Brunei yang didaftar akan diberi isyarat panggilan yang baru. Dari itu jika sesebuah kapal itu telah didaftar di tempat lain dan sudah ada mempunyai isyarat panggilannya maka apabila didaftar sebagai kapal Brunei isyarat panggilan lama itu tidak akan dipakai lagi.

ii) Selain dari itu borang-borang berikut akan juga diberikan:
   a) Borang permohonan untuk mendaftar kapal.
   b) Nota untuk menanda kapal (Carving Note) — untuk dibawa kepada seorang juruukur yang disahkan bagi mensahkan nombor rasmi dan muatan berdaftar.
   c) Bil Penjualan (Bill of Sale) — jika kapal itu bukan kapal baru.
   d) Penyataan Kepunyaan (Declaration of Ownership).
   e) Lantikan wakil (Appointment of agent) - bagi menamakan wakil pemilik kapal yang akan menguruskan pendaftaran dan lain-lain.
   f) Lantikan Pengurus (Appointment of manager) — bagi menamakan pengurus kapal itu.
   g) Butir-butir mengenai enjin dan lain-lain (Particulars of engine etc.).

3.3 Permohonan rasmi.

i) Pendaftaran akan dibuat secara rasminya jika borang-borang, yang disebutkan di para 3.2 (ii) di atas dikembalikan bersama-sama dengan:
   a) Sijil Kelas (Class Certificate).
   b) Sijil Garis Muatan (Load Line Certificate).
   c) Sijil Berat Muatan (Tonnage Certificate).
   d) Sijil Perkakas keselamatan (Safety Equipment Certificate).
   e) Sijil Binaan Keselamatan (Safety Construction Certificate).
   f) Sijil Radio Keselamatan (Safety Radio Certificate).
   g) Sijil Pembina (Builders Certificate) — jika kapal baru. Jika kapal dibeli dari pihak lain bil Penjualan hendaklah dihadapkan.
   h) Salinan penutupan pendaftaran yang terdahulu (closed transcript of previous registry) — jika kapal tersebut didaftar di tempat lain sebelumnya, maka pendaftaran itu mestilah ditutup bagi membolehkan ianya didaftar sebagai kapal Brunei.
   i) Sijil Kelayakan atau Bilangan Perkhidmatan kaptan kapal (Certificate of Competency or Service Number of the master of ship).

ii) Yuran-yuran yang akan dikenakan bagi mendaftar kapal adalah seperti berikut:
   a) yuran pendaftaran pertama (initial registration fee) sebanyak $2.50 bagi setiap 1 tan (net).
   b) cukai berat tahunan (annual tonnage tax) sebanyak 20 sen bagi setiap 1 tan (net).
   c) yuran dan cukai yang disebutkan di atas adalah tertakluk kepada jika sesebuah kapal itu kurang dari 500 tan (net) muatannya maka yuran dan cukai yang dikenakan adalah disamakan dengan yuran dan cukai bagi kapal bermuatan 500 tan (net).

3.4 Pelabuhan Pendaftaran (Port of Registry).

Pada masa ini pelabuhan bagi maksud mendaftar kapal ialah Bandar Seri Begawan.

3.5 Penguasa Pengesahan (Certifying Authority).

i) Bagi maksud mengukur dan mengeluarkan sijil-sijil yang disebutkan di 3.2(ii)(b) dan 3.3(i)(a) hingga (f) di atas maka enam buah pertubuhan pengkelasan (classification society) telah dilantik sebagai penguasa pengesahan untuk mengukur dan mengeluarkan sijil-sijil tersebut bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai pejabat di Singapura itu ialah:

a) American Bureau of Shipping 101 Thomson Road, 15-01/15-03 Goldhill Square Singapore 1130.
b) Bureau Veritas 1 Maritime Square, 09-03/04 World Trade Centre, Singapore 0409.
c) Det Norske Veritas 10 Science part Drive, Veritas Marine Technology Centre, Singapore 0511.
d) Germanischer Lloyd, 16 Raffles Quay, 15-05 Hong Leong Building, Singapore 0104.
e) Lloyd's Register of Shipping 456 Alexandra Road, 16-02 NOL Building, Singapore 0511.
f) Nippon Kaiji Kyokai 101 Cecil Street, 21-01/04 Tong Eng Building, Singapore 0106.

(ii) Pemilik-pemilik kapal bolehlah menghubungi salah satu di antara pertubuhan-pertubuhan yang disebutkan di atas bagi maksud mengukur kapal dan mendapatkan sijil-sijil yang berkenaan.

# DYTM PUTERA HENRI DAN YB DATUK SHAHRIR DITERIMA MENGADAP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Duli Yang Teramat Mulia Putera Henri Putera Mahkota Luxembourg dan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan Malaysia Datuk Shahrir bin Abdul Samad dalam dua majlis yang berasingan di Istana Nurul Iman Rabu lepas.

Duli Yang Teramat Mulia Putera Henri Putera Mahkota Luxembourg adalah dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini diiringi oleh tiga orang Pegawai Kanan Luxembourgh tiba pada Selasa, 30 Oktober lalu.

Berangkat di Majlis Mengadap itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien; Menteri Pertahanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Semasa di negara ini Duli Yang Teramat Mulia Putera Henri telah membuat kunjungan kepada Setiausaha Tetap I Kementerian Pembangunan Awang Haji Salleh bin Haji Hidup bertempat di bilik persidangan Kementerian tersebut di Berakas dengan dihadiri oleh sembilan orang pegawai kanan Kementerian Pembangunan.

Selain daripada itu Duli Yang Teramat Mulia Putera Henri juga telah mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Pertukangan dan Kesenian di Jalan Subok dan mengunjungi beberapa bahagian bilik-bilik pameran. Selain membuat lawatan, Duli Yang Teramat Mulia juga telah diraikan dalam satu Majlis Jamuan Makan Malam oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan.

Manakala Menteri Wilayah Persekutuan Malaysia Yang Berhormat Datuk Shahrir bin Abdul Samad juga telah mengadakan lawatan singkat ke negara ini. Beberapa jam selepas ketibaannya ke negara ini, Yang Berhormat Datuk Shahrir telah mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat di majlis tersebut ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan.



DALAM rangka lawatan tiga hari ke negara ini, D.Y.T.M. Putera Henri Putera Mahkota Luxembourg berangkat mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Wilayah Persekutuan Malaysia, Yang Berhormat Datuk Shahrir bin Abdul Samad baru-baru ini.

# PAKAR EPIGRAFI DARI MESIR BANTU PUSAT SEJARAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pakar epigrafi dari Mesir telah tiba ke Negara Brunei Darussalam baru-baru ini atas undangan Kerajaan Brunei melalui Pejabat Pusat Sejarah dan Muzium Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mereka ialah Awang Abdullah Abdul Hamid El Attar, Pengarah Sekretariat Barang-Barang Purba Qibti dan Islam, dan Awang Yahya Nagib Abdul Alim, Sekretariat Kesenian Muzium Kesenian Islam. Mereka akan berada di sini kira-kira sebulan untuk membantu kedua-dua pejabat tersebut membuat kajiselidik dan 'takapan' mengenai dengan tulisan-tulisan yang tercatat di batu-batu nisan bagi membantu penyelidikan berhubung dengan Sejarah Brunei.

Bagi mengalu-alukan mereka berdua, Pengetua Pusat Sejarah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri telah mengadakan satu majlis ramah-mesra dengan mereka bertempat di bilik persidangan Pejabat Pusat Sejarah Brunei.

Di majlis itu, Yang Dimuliakan Pehin melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka di atas bantuan dan kerjasama mereka yang akan membuat penyelidikan mengenai dengan tulisan-tulisan yang terdapat di batu-batu nisan di Brunei bagi membantu Pusat Sejarah dan Muzium Brunei dalam membuat penyelidikan yang berhubung dengan Sejarah Brunei.

Dalam ucapan balasnya, Awang Abdullah Abdul Hamid El Attar mengucapkan berbanyak terima kasih di atas jemputan Kerajaan Brunei Darussalam melalui Pusat Sejarah dan Muzium Brunei kerana memberikan kepercayaan kepada mereka berdua untuk membuat penyelidikan mengenai dengan tulisan-tulisan di batu nisan yang ada di Brunei dan berharap semoga kerja-kerja yang akan dilakukan itu nanti akan dapat melahirkan hasil yang bermanfaat yang dapat membantu Pusat Sejarah dan Muzium Brunei dalam membuat penulisan Sejarah Brunei.

Sebelum itu Awang Abdullah telah menghadiahkan kepada Pusat Sejarah buku-buku, majalah-majalah, cenderamata dan pita video yang menggambarkan mengenai dengan senibina-senibina Islam dan sejarah perkembangan Islam. Mereka juga telah mengadakan perjumpaan dengan Pengarah Muzium-Muzium Brunei, di Kota Batu. Mereka akan berlepas pulang pada penghujung bulan ini.



AWANG Abdullah bin Abdul Hamid El Attar, Pengarah Sekretariat Barang-Barang Purba Qibti dan Islam (tengah) ketika menghadiahkan cenderamata-cenderamata kepada Pusat Sejarah, yang diterima oleh YDM Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.



GAMBAR atas kelihatan rombongan Yang Dimuliakan Pehin-Pehin Manteri yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Mohd. Salleh bin Haji Masri ketika mengagai Yang Mulia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan, di DARAINA, 85, Kampong Sungai Besar, Jalan Kota Batu pada hari Khamis lalu. Istiadat Mengagai itu adalah persediaan bagi pengurniaan gelaran Pehin Manteri Ugama kepada Yang Mulia Ustaz Awang Haji Badaruddin.

Istiadat mengurniakan gelaran kepada Pengarah Penerangan itu telah dilangsungkan di Lapau Bandar Seri Begawan petang semalam.



AWANG Haji Badaruddin

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-250

# TANDA-TANDA KECIL HARI KIAMAT



## Berlakunya perkara luar biasa

DI ANTARA tanda-tanda bakal berlakunya hari kiamat ialah:

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Nuaim bin Hammad dalam kitab al-Fitan.

Ertinya: "Tiadalah bangkit hari kiamat sehingga kamu melihat banyak perkara besar-besar berlaku yang kamu tidak pernah lihat akannya sebelum itu, dan tiada pernah kamu bercakap-cakap akan perkara-perkara itu."

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Bazzar dalam Al-Kabir Min Hadis Samurah bahawa Nabi Salallahu Alaihi Wassalam telah bersabda:

Ertinya: "Kamu akan melihat sebelum bangkit hari kiamat itu, akan beberapa perkara yang besar yang kamu ingkarkan adanya, kamu kata adakah kami telah dikhabarkan dengannya maka apabila kamu lihat yang demikian itu, maka hendaklah kamu ingatkan Allah Taala dan ketahuilah olehmu bahawa perkara-perkara itu tanda-tanda awal bagi hari kiamat."

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad lebih terang dari Hadis yang dahulu daripada sahabat Samurah bin Jundab Salallahu Alaihi Wassalam yang panjang dalam perkara darihal dajal besar, tersebut padanya sabda Rasulullah:

Ertinya: "Tiada akan berlaku hari kiamat itu sehingga kamu lihat banyak perkara yang besar-besar yang luar biasa, yang memberi kesan pada diri-diri kamu, dan bertanya-tanya di antara kamu, adakah Nabi kamu telah menyebutkan kepada kamu akan perkara-perkara yang besar-besar yang luar biasa itu?"

Di antara perkara-perkara luar biasa itu ialah:

a) **Keretapi;**

Perkara-perkara besar yang tersebut, dalam Al-Quran dalam ayat: (42 — 41, surah Yassin).

Ertinya: "Tanda kekuasaan Kami kepada mereka, ialah Kami angkat anak-anak mereka dan isteri-isteri mereka di dalam kapal yang penuh dengan barang-barang muatan, dan kami akan jadikan bagi mereka kenderaan-kenderaan seperti kapal-kapal itu, yang mereka akan naiki dan belayar dengannya."

(dari Tafsir Al-Jalalain dan Al-Baidhawi).

Adapun kenderaan seperti kapal yang penuh muatan itu ialah sekarang keretapi, lori-lori, trak-trak, bas-bas, van-van membawa berpuluh-puluh, beratus-ratus penumpang dengan penuh bekalan dan muatan, sebagaimana Allah Taala sifatkan kapal-kapal yang belayar di laut itu seperti gunung yang berbanjar di laut.

b) **Motokar dan trak:**

Firman Allah dalam Al-Quran ayat 8 dari surah An-Nahl:

Tafsirannya: "Kita jadikan kuda-kuda, bagal-bagal, dan keldai-keldai, supaya kamu tunggang akannya dan menjadi perhiasan, dan Allah akan jadikan kenderaan yang belum kamu ketahui." (Al-Jalalain).

Ayat Quran ini dengan terang-terang menunjukkan pada motokar, motosikal, basikal dan lain dari jenis kenderaan dan jenis perhiasan manusia. Ini satu dari perkara-perkara besar.

c) **Bas dan jalan raya:**

Firman Allah dalam Al-Quran: ayat 4 surah Al-Takwir.

Tafsirannya: "Ketika unta-unta yang telah sepuluh bulan umurnya dibiarkan dari dijadikan kenderaan dan dari mengangkut barang-barang muatan di belakangnya.

Menurut Al-Imam salilab dan lain-lain Ulama bahasa, sebab unta-unta itu dibiarkan dari digunakan dalam pelayaran dan mengangkat barang-barang muatan, kerana sudah ada keretapi dan motokar, lori-lori, trak-trak dan bas-bas dan tiadalah siapa yang hendak belayar menggunakan unta-unta itu atau mengangkut barang-barang dengan menggunakan unta, melainkan jarang-jarang benar, sehingga orang-orang Arab di Hijaz dan di Tanah Arab terjejas kehidupan mereka dengan direntas jalan-jalan raya di negeri mereka dan bertaburtaburan motokar sana sini dan lesaplah unta dari pandangan.

Pada Tahun Haji 1927, adalah jarang-jarang benar motokar dan bas di antara Mekah dan Jeddah hanya kita nampak konboi unta di Jeddah dan Mekah dan Arafah dan di Mina, tetapi pada tahun 1968 maka tiadalah kita nampak konboi-konboi unta dan unta-unta di jalan-jalan raya, apa yang nampak lori-lori, motokar-motokar, bas-bas besar, motokar-motokar sewa membanjiri Mekah, Jeddah, Mina, Arafah dan Madinah. Ini kita lihat di Hijaz pada tahun-tahun yang tersebut itu

Tersebut dalam Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim daripada sahabat Abi Hurairah telah berkata: Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam:

Ertinya: "Demi Allah, Ibni Maryam, Nabi Isa akan turun (dari langit, bagaimana lain-lain riwayat), ia menjadi pemerintah yang adil kepada umat Islam, demi ia memecah segala salib (cross), dan demi dia akan membunuh segala babi, dan demi ia tidak akan menerima daripada seseorang akan jizyah ufti melainkan mestilah ia masuk Islam, dan demi unta-unta kenderaan akan dibiarkan dengan tiada dinaiki". Dan Hadis Rasulullah (demi unta-unta kenderaan dibiarkan tiada dinaiki) itu menentukan tafsir ayat Quran Surah Al-Takwir ayat 4 (apabila unta-unta dibiarkan dari dijadikan kenderaan).

4) **Masa menjadi singkat dan kurang amal ibadat:**

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari daripada Hadis sahabat Abi Hurairah bahawa Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah bersabda:

Ertinya: "Masa itu berdekat-dekatan, dan ilmu Ugama berkurangan, pada suatu riwayat: Amal itu berkurangan, dan diletakkan ke dalam hati akan tamak haluba, dan perbunuhan banyak berlaku."

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dalam Musnad dan At-Tahawi dalam Musykilul daripada Hadis sahabat Abi Hurairah telah berkata: Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam: Ertinya:"Tiada bangkit hari kiamat sehingga masa itu berdekat-dekatan, maka setahun bagai sebulan, dan sebulan sebagai seJumaat, seJumaat sebagai sehari, dan sehari sebagai sejam dan sejam sebagai selama terbakar sepelepah kurma kering.

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad daripada Hadis Abi Hurairah yang berkata telah bersabda Rasululah Salallahu Alaihi Wassalam: Ertinya: "Tiada bangkit hari kiamat sehingga nyata berlaku perbunuhan, bohong banyak berlaku, pasar-pasar menjadi dekat, dan zaman berdekat-dekatan."

Hadis-hadis ini menunjukkan banyak motokar, dan kapal terbang dan banyak orang-orang belayar menggunakan keduanya. Dengan itu masa menjadi ringkas, dan pasar-pasar yang berjauhan menjadi dekat, di antara satu negara dengan satu negeri.

5) **Perempuan dilaknat, tiada dapat rahmat:**

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dalam Musnad dari Hadis sahabat Abdullah bin Amru ibnul As telah berkata: Saya telah mendengar Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda: Ertinya: "Akan berlaku pada akhir zaman bagi umat saya, orang-orang laki-laki menaiki kenderaan yang mempunyai pelana besar seperti pelana kenderaan unta, mereka turun singgah masuk ke dalam Masjid-Masjid, padahal isteri-isteri mereka memakai baju tetapi baju separuh baju, dan di atas kepala-kepala isteri mereka topi-topi seperti bunggul di belakang unta, hendaklah kamu laknat perempuan-perempuan itu, kerana sebab mereka telah kena laknat daripada Allah."

Hadis ini menunjukkan terang-terang akan motokar seperti rupa sekedup unta orang haji sebelum zaman ada motokar di Jeddah dan Mekah dan Madinah dan Arafah. Tuan-tuan motokar itu pergi sembahyang Jumaat dan isteri-isteri mereka berpakai pakaian Eropah setengah aurat ditutup dan setengah aurat yang lain didedahkan. Dan motokar-motokar mereka menunggu di luar Masjid. Nabi Salallahu Alaihi Wassalam perintah laknatkan perempuan-perempuan itu (tiada dapat rahmat Allah) kerana mereka derhaka kepada Allah dengan membuang adat Islam dan pakaian cara Islam.

6) **Kapala Terbang:**

Firman Allah Taala dalam surah Al-Mursalat ayat 1 hingga 7 yang mana ayat-ayat ini menggambarkan kapal-kapal terbang pejuang dan pengebom bertindak seperti ribut (ayat 1). Kapal-kapal terbang pengebom dengan melepaskan bom-bomnya, kadang-kadang manusia menjadi sasaran bom-bom itu seperti padang takukur atau bom-bom itu melayang tiada kena sasarannya, ini dua makna bagi perkataan usuf itu menurut bahasa (ayat 2). Kapal-kapal terbang itu menggugurkan surat-surat kepada askar yang berjuang dan penduduk negeri, kerana diayah dan mengkhabarkan kepada mereka perkara-perkara yang akan dilakukan oleh negeri yang menyerang itu ke atas lawannya (ayat 3). Kapal-kapal terbang itu menggemburkan unit-unit dan pasukan-pasukan yang berjuang, kerana takut dari bom-bom kapal terbang itu lebih dahsyat dari kalah menyerah diri, tiada suatu pun dapat bertahan dari bom-bom itu, dari jauh-jauh lagi orang-orang telah cabut lari berlindung di bawah benteng-benteng dan dalam parit-parit perlindungan (ayat 4). Kapal-kapal itu menggugurkan surat-surat peringatan sebagai suatu uzur kerana mengebom tempat-tempat awam, dan bukan tempat pertahanan, atau surat-surat itu memberi amaran dan menakut-nakutkan penduduk-penduduk dan menyuruh menyerah diri (ayat 5 dan 6), dan tersebut juga dalam Hadis-Hadis.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

## Pegawai Ukur ikuti kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai tujuh orang Pegawai Kanan Jabatan Ukur kini sedang mengikuti kursus penempatan praktikal dalam berbagai-bagai jurusan kerja ukur tanah di Malaysia dan Republik Singapura.

Awang Abdul Wahab bin Sulaiman, Ketua Juruteknik Ukur (Pemangku Juruukur Daerah Brunei dan Muara) mengikuti kursus untuk mendalami tugas-tugas Juruukur Daerah selama dua hingga tiga bulan. Sementara tiga orang Juruteknik Ukur iaitu Awang Jakir bin Jaya, Awang bin Timbang dan Awang Zaini bin Razab mengikuti kursus selama lima hingga enam bulan bagi mendalami pengetahuan di bidang-bidang lukis-melukis plan tanah, photogrammetri (pemetaan dari gambar foto udara) dan Penghitungan. Keempat-empat pegawai itu mengikuti kursus di Malaysia.

Tiga yang lainya iaitu Awang Hassan bin Tunggal dan Awang Muhammad bin Tuah, kedua-duanya Juruteknik Ukur Kanan serta Awang Aisa @ Isa bin Haji Mohammad, Juruteknik Ukur, mengikuti kursus di Jabatan Ukur Republik Singapura selama lima hingga enam bulan. Latihan mereka adalah melibatkan berbagai kerja ukur tanah di bahagian-bahagian luar dan dalam pejabat.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 7 November, 1984 hingga ke hari Selasa 13 November, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 7–10 | 12.10 | 3.27 | 3.28 | 6.07 | 6.07 | 7.21 | 7.22 | 4.48 | 4.34 | 4.49 | 6.05 | 6.06 |
| 11–13 | 12.11 | 3.28 | 3.29 | 6.06 | 6.07 | 7.21 | 7.22 | 4.49 | 4.35 | 4.50 | 6.06 | 6.07 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# Nikah dulu kemudian kahwin




MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan melakukan amal ibadat dan meninggalkan maksiat, mudah-mudahan dengan demikian hidup kita beroleh rahmat di dunia dan mahupun di akhirat.

Salah satu sunnah atau perjalanan Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang sangat-sangat digalakkan untuk orang-orang Islam ialah berkahwin atau bernikah. Sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam yang ertinya,

*"Nikah atau berkahwin itu sunnahku atau perjalananku, maka barangsiapa yang benci kepada sunnahku maka dia bukanlah daripada golongan ku."*

*Sekiranya Pertunangan yang lama-lama di antara pemuda dan pemudi itu pada lazimnya membawa akibat buruk sepertimana faktanya sekarang sudah ada, maka mengapa tidak kita ringkaskan masa itu dengan mengadakan akad nikah terlebih dahulu.*

### LAMA BERTUNANG

Kita timbulkan perkara ini untuk memberi panduan kepada umat Islam, mana-mana yang gemar dan cukup syarat untuk berkahwin itu maka eloklah dilangsungkan dengan tidak ragu-ragu. Ada orang yang suka menunda-nunda pernikahan atau perkahwinan, dengan lama-lama di dalam pertunangan. Dari pengalaman-pengalaman Mahkamah Kadi yang membicarakan kes-kes jenayah zina dan khalwat, mendapati bahawa ada kecenderungan yang meluas di kalangan masyarakat Islam pada melambat-lambatkan akad nikah di kalangan calon-calon suami isteri itu. Mereka lebih suka lama-lama di dalam pertunangan, kadang-kadang ada yang bertunang sampai dua tiga tahun, atau kurang sedikit, atau lebih pun ada juga, dengan tidak ada sebab yang munasabah. Akibatnya sebelum sampai jadi suami isteri yang sah, mereka lebih dahulu naik tangga mahkamah, dibicarakan sebagai pesalah, sama ada kesalahan di bawah Bab 176 (kesalahan berkhalwat) atau Bab 177 (kesalahan kerana persetubuhan yang haram) dari undang-undang Majlis Ugama dan Mahkamah-mahkamah Kadi tahun 1955.

Ramai dari pesalah-pesalah, terutama dari kalangan muda-mudi yang diketahui daripada keterangan tentang diri mereka yang bertunang sebelum melakukan kesalahan-kesalahan itu. Ada yang bertunang beberapa bulan, ada yang setahun, ada yang dua tahun dan ada yang tiga tahun atau lebih pun ada. Di dalam masa inilah (di dalam masa pertunangan inilah) mereka mengambil peluang dan kesempatan untuk bercampur-gaul dengan bebas, berdua-duaan ke sana kemari, seolah-olah pertunangan itu mereka anggap tiket untuk mengharuskan atau membolehkan mereka berbuat demikian.

### KENAPA TUNGGU LAMA-LAMA?

Apabila ditanya, kenapa tidak cepat-cepat kahwin? Kenapa tunggu lama-lama? Ramai yang menjawab, belanja belum cukup. Yang dimaksudkan dengan belanja di sini bukanlah mahar yang wajib ditanggung oleh laki-laki, tetapi dapat difaham daripada kedua belah pihak ialah belanja untuk upacara perkahwinan masa bersanding, yang biasa memang memerlukan wang atau belanja yang banyak. Inilah yang menghalang daripada perkahwinan dilangsungkan cepat-cepat, sementara menunggu wang akan terkumpul dan lain-lain persediaan untuk majlis bersanding secara besar-besaran. Kalau lambat terkumpul, lambat berlurih, maka lambatlah pula perkahwinan itu akan berlangsung.

Demikianlah setengah kejadian yang berlaku dalam masyarakat kita hari ini. Kita suka mengingatkan, bahawa sebagai orang Islam, kita wajib menyelaraskan tindakan-tindakan dan amalan-amalan kita dengan hukum syarak, bukan kebiasaan-kebiasaan yang membawa bencana. Kita hendaklah ingat, bahawa cara syarak menyelesaikan masalah orang Islam ini sangatlah mudah dan indah sekali. Allah tidak menyusah-nyusahkan kita. Firman-Nya yang bertafsir,

*"Allah tidaklah membebankan kepada seseorang melainkan hanya sekadar kemampuannya sahaja."* Firman-Nya lagi yang bertafsir, *"Dan Allah tiada menjadikan kesempitan di dalam ugama itu."*

Menunggu model besar untuk sesuatu perayaan dan sambutan besar-besaran upacara perkahwinan adalah termasuk dalam erti menyusahkan diri, dan jika ia menyebabkan sehingga terjadi pelanggaran hukum dan maksiat, maka perkara itu lagi bertambah salah dan mendatangkan laknat Allah.

### NIKAH GANTUNG

Barangkali buat masa sekarang orang keberatan untuk mengikuti saranan untuk meringkas dan mengecilkan belanja perkahwinan itu. Katalah kita masih terpaksa tunduk kepada aliran pemikiran atau pendirian begini, tetapi dalam pada itu, sebagai jalan tengah, sebagai langkah memelihara iman orang-orang Islam, memelihara ugama mereka, supaya mereka tetap kekal di dalam kehidupan berugama yang sempurna, maka apa salahnya dua calon mempelai itu diakad nikahkan terlebih dahulu, terlebih awal, iaitu menurut istilah orang sekarang dipanggil sebagai 'nikah gantung,' sementara menunggukan model yang cukup untuk suatu upacara bersanding secara besar-besaran kemudian. Mengapa orang Islam tidak mahu melakukan ini? Mengapa mesti tunggu satu ketika sehingga benar-benar cukup dan lumayan? Jika orang menunggu itu betul-betul sabar dan tidak melakukan sebarang kegiatan yang menyalahi ugama, tidak apa juga. Tetapi ini tidak. Orang yang menunggu itu sebenarnya bukan orang yang sabar, tetapi terdiri daripada pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang sudah tidak dapat mengawal dirinya lagi.

Adakah hal ini kita tidak sedar? Jawabnya kita tahu dan bahkan sedar. Tetapi kenapa juga masih tidak ada perubahan sikap? Jawabnya antara lain ialah kerana: Masyarakat masih tebal fikiran, bahawa nikah awal-awal dengan menangguhkan upacara persandingan itu adalah dianggap satu aib, dianggap boleh memalukan keluarga berkenaan. Kononnya akad nikah yang demikian itu ialah perbuatan orang salah dahulu sebelum menjadi suami isteri yang sah. Kerana itu ia tidak mahu dibuat, biar apapun terjadi, sebelum ada kecukupan, seolah-olah kita lebih takut kepada kata-kata atau andaian masyarakat, daripada kita takut terhindar atau terlanggar hukum Allah yang melarang khalwat dan campur-gaul bebas dan perzinaan itu. Inilah namanya pemikiran keduniaan yang terbalik yang tidak bersandar sedikitpun kepada ajaran sebenar ugama Islam.

### JALAN SELAMAT

Oleh itu, wahai umat Islam! Marilah sama-sama kita menyedari hal ini, terutama selaku ibu bapa dan orang tua-tua, sekiranya pertunangan yang lama-lama di antara pemuda dan pemudi itu pada lazimnya membawa akibat buruk sepertimana faktanya sekarang sudah ada, maka mengapa dengan tidak kita ringkaskan masa itu dengan mengadakan akad nikah terlebih dahulu, dan jika hendak mengadakan upacara yang lain, yang lebih besar selepas itupun, yakni sesudah cukup segala model, maka bolehlah dibuat. Soalnya setelah akad nikah, setelah sah sebagai suami isteri, tidak ada apa-apa lagi yang hendak dirisaukan kerana upacara fardu atau upacara syarak (akad nikah) telah kita lalui yang membuka segala tegahan dan larangan. Inilah namanya jalan berhati-hati, jalan selamat, mengapa orang enggan padanya?

Mudah-mudahan ianya menjadi asas pemikiran kita mulai daripada hari ini dan mana-mana orang yang sedia ingat dan telah pernah melakukan cara yang betul dan selamat ini, kita ucapkan syabas dan mudah-mudahan mendapat balasan yang baik daripada Allah kerana langkahnya memelihara ugama untuk dirinya, keluarga dan masyarakatnya.

---

## *Menuju keredaan Allah*

## UCAPLAH ALHAMDULILLAH SEBANYAK-BANYAKNYA

KITA umat Islam hendaklah memperbanyakkan mengucap syukur atau memuji Allah dengan perkataan Alhamdulillah, kerana segala bentuk sanjungan, pujaan, pujian, syukur, sayang, cinta, hormat, khidmat, seluruh perasaan lega dan puas kita tujukan hanya kepada Allah Subhanahu Wataala, kerana Allah jualah yang mencipta, mengatur, memelihara, mengusai, menghidupkan, menumbuhkan, mengembang biakkan sumber segala daya dan kekuatan dari seluruh alam sejagat ini.

Menyebut kalimah "ALHAMDULILLAHI RABBIL 'AALAMIN" dengan sebutan yang sederhana, tidak terlalu cepat, tidak pula terlalu lambat. Hendaknya kita menghadirkan di dalam ingatan dan kesedaran kita seluruh alam sejagat ini kita resapkan dalam pengertian dan fahaman kita akan keagungan, kebesaran dan kebijaksanaan Allah Subhanahu Wataala yang telah mencipta, mengatur dan memeliharanya. Sudah tentu pasti kesedaran demikian itu akan menimbulkan, membangkitkan dan menumbuhkan suatu perasaan indah yang merupakan pujaan, pujian, syukur, terima kasih, hormat dan sayang serta cinta kepada Allah Subhanahu Wataala.

Timbul perasaan indah ini amat besar pengaruhnya dan banyak manfaatnya bagi jiwa dan raga manusia. Perasaan indah yang merupakan pujian ini adalah suatu santapan jiwa yang paling lazat citarasanya bagi jiwa manusia. Jiwa manusia akan merasakan kelazatan dan kebahagiaan yang sangat tinggi di kala munculnya perasaan indah ini di dalamnya. Kelazatan dan kebahagiaan jiwa ini akan mempunyai pengaruh yang besar dan baik sekali terhadap raga dan tubuh kasar manusia.

Sepotong hadis Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang diriwayatkan dari Anas Radiallahu Anhu yang bererti:

*"Sekiranya dunia dan seluruh harta kekayaan yang ada di atasnya diserahkan ke tangan seseorang dari umatku, lalu orang itu berkata: 'Alhamdulillah,' sungguh ucapan Alhamdulillah itu lebih berharga dari seluruh harta kekayaan itu."*

Diterangkan juga oleh Al-Muktubi dan lain-lain mupasirin, bahawa perasaan indah yang merupakan sanjungan dan pujaan terhadap Allah itu memberikan perasaan nikmat yang lebih tinggi nilainya dari nikmat yang diberikan oleh harta kekayaan jika mengucapkan itu dengan penghayatan dan pemahaman. Apalagi ganjaran ucapan Alhamdulillah itu akan berkekalan selamanya sampai ke akhirat. Sedang ganjaran nikmat harta kekayaan dunia ini hanya akan dapat dirasakan selama hidup yang pendek di dunia ini saja tak ubah seperti rasa lazat memakan makanan, lazatnya terasa hanya di lidah, setelah ditelan dan masuk ke rongga khalkum dan perut lazatnya tiada lagi.

Wang yang banyak, harta yang bertimbun, rumah yang indah, dan segala kekayaan di dunia ini tidak dapat lagi memberi kenikmatan apabila pemiliknya sudah mati.

Harta dan anak itu adalah perhiasan hidup di dunia, sedang amal kebajikan yang berkekalan buahnya adalah lebih baik ganjarannya di sisi Allah dan lebih baik pula harapan yang dikandungnya.

Marilah kita mengucap ALHAMDULILLAHI RABBIL 'AALAMIN sebanyak-banyaknya di dalam hidup kita dengan pengucapan yang penuh pengertian dan kesedaran kesyukuran, tidak dengan hati yang lalai dan lengah.

Nilai dari setiap ucapan zikir dan doa bukan dalam bilangannya tetapi terletak di dalam pengertian dan kesedaran serta adab menyebut dan melakukannya.

# TANDATANGANI KONTRAK PERKHIDMATAN

BERAKAS. — Satu upacara menandatangani kontrak perkhidmatan telah diadakan akhir bulan lalu antara Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dengan Pusat Perkhidmatan Guru-Guru British, bertempat di Bilik Persidangan Jabatan Pelajaran di sini.

Kontrak Perkhidmatan tersebut ialah bagi pengambilan guru-guru British yang akan dikhaskan mengajar Bahasa Inggeris di semua sekolah dan maktab di negara ini. Pengambilan pertama dijangka akan diadakan awal bulan depan.

Kontrak Perkhidmatan ditandatangani oleh Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong bagi pihak Jabatan Pelajaran dan Anthony Abrahams, Pengasas dan Yang Dipertua Pusat Perkhidmatan Guru-Guru British — CFBT bagi pihak pusat tersebut.

Bersama-sama dalam upacara hari itu ialah James Austin, Pengarah Projek Brunei dan Awang Bill Davidson, Hakim kepada Pusat Perkhidmatan Guru-Guru British.

Sebelum upacara menandatangani dilaksanakan, kedua pihak telah menyampaikan ucapan ringkas yang mana disusuli dengan penyampaian hadiah kenang-kenangan dari Pengasas dan Yang Dipertua pusat itu, Awang Anthony Abrahams kepada Pengarah Pelajaran.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh beberapa orang pegawai kanan Jabatan Pelajaran. Doa selamat dibacakan oleh Awang Haji Long bin Mohd. Saman.



**KELIHATAN** kedua pihak, Awang Anthony Abrahams dari Pusat Perkhidmatan Guru-Guru British dan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong menandatangani kontrak perkhidmatan tersebut.



PENGARAH Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar menyampaikan Hadiah Pelajaran Terbaik kepada Adimas bin Haji Md. Salleh dari Sekolah Melayu Pusar Ulak.

Adimas murid Darjah IV dan mendapat tempat ketiga bagi kawasan Brunei I. — Gambar ihsan Haji Md. Salleh bin Haji Ibrahim.

# HADIAH PELAJARAN TERBAIK 1983

TUTONG. — Seramai 251 orang murid dari keempat-empat daerah di negara ini telah menerima Hadiah Pelajaran Terbaik tahun 1983, yang mana dari jumlah itu seramai 38 orang terpilih sebagai yang terbaik peringkat negara.

Penyampaian hadiah pelajar terbaik kepada murid-murid bekenaan telah dilaksanakan oleh Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, dalam satu upacara yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya, Sengkarai di sini awal bulan ini.

Merupakan salah satu projek tahunan Bahagian Pelajaran Rendah Jabatan Pelajaran, Penyampaian Hadiah Pelajaran Terbaik juga sebagai salah satu usaha menggalakkan dan mendorong murid-murid belajar dengan tekun dan rajin, sentiasa berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh demi meningkatkan kemajuan pelajaran, yang mana ianya dirasakan boleh menanamkan semangat berlumba-lumba untuk kemajuan masing-masing.

Penguasa Pelajaran Rendah, Awang Umar bin Haji Ahai berkata, pemilihan tersebut adalah berdasarkan keputusan peperiksaan akhir tahun 1983 dari peringkat Pra-Sekolah, Darjah I hingga Darjah V, Prep I dan II, Prep III dalam Primary Certificate of Education, peperiksaan Darjah VI atau Sijil Pelajaran Rendah dan calon ke sekolah Persediaan Inggeris.

Dalam ucapannya di majlis itu, Awang Umar seterusnya berharap supaya murid-murid yang berjaya mempertingkatkan usaha mereka. Beliau menggesa supaya semua murid-murid sekolah di negara ini belajar dengan rajin dan tekun, di samping berkelakuan baik, menyediakan diri sebagai ahli masyarakat yang berguna, cintakan pelajaran, berakhlak baik dan menghormati orang lain.

# KONSEP PENGHARGAAN MAINKAN PERANAN PENTING

Dari muka 1

kanak yang sentiasa menerima kritik-kritik akan belajar untuk mengutuk dan melawan," ujarnya lagi.

**TERPUJI**

Berucap di Upacara Penyampaian Hadiah Pelajaran Terbaik Tahun 1983 Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya, Sengkarai di sini awal bulan ini, Awang Haji Abu Bakar seterusnya menasihatkan murid-murid supaya melengkapkan diri dengan tingkah-laku dan budi pekerti yang terpuji bagi menjadikan mereka tidak saja terpelajar dan berpengetahuan tetapi juga terdidik, bersopan-santun, beradat dan berdisiplin.

Dengan adanya sikap sedemikian pada diri murid-murid, ianya akan dapat menghindarkan dari berbuat perkara-perkara yang tidak diingini yang kerap berlaku di sekolah-sekolah atau bangunan-bangunan Kerajaan, seperti merosakkan peralatan sekolah dan sebagainya.

"Oleh itu saya berharap kepada semua anggota masyarakat supaya akan dapat memberikan kerjasama pada mengamat-amati dan menghalang sekiranya terjumpa apa jua kegiatan-kegiatan yang tidak diingini ini," beliau berharap.



**BERIKUTAN** dari keberangkatan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Republik Indonesia baru-baru ini TYT Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik itu telah berkesempatan mengundang pegawai-pegawai serta rombongan wartawan dari RTB dan Jabatan Penerangan yang bersama-sama bertugas dan membuat liputan keberangkatan tersebut di satu Majlis Jamuan Makan Malam di kediaman rasmi Tuan Yang Terutama itu di Jakarta pada malam Jumaat 26 Oktober 1984.

Pertemuan pada malam itu lebih dapat diertikan sebagai pertemuan kekeluargaan dan hanya dapat dihadiri oleh sebahagian saja dari mereka yang dimaksudkan. Dan kebetulan di malam pertemuan itu dua orang pegawai kanan Kerajaan kita juga secara kebetulan berada di Jakarta untuk menghadiri satu undangan rasmi Kerajaan Republik Indonesia hadir bersama. Mereka ialah YDM Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan dan Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Pegawai Pentadbir Kanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Gambar menunjukkan TYT Pengiran Dato Paduka Haji Jeluddin bin Pengiran Mohd. Limbang, berbual mesra sambil menikmati jamuan dengan beberapa orang pegawai yang hadir dan sebelum meninggalkan majlis pertemuan para hadirin sempat bergambar ramai dengan Tuan Yang Terutama bersama Datin Hajjah Saimah binti Haji Husain (depan enam dari kanan) serta beberapa orang pegawai dan kakitangan Kedutaan. — MS.



# SEJARAH BRUNEI BELUM PERNAH DITULIS!

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 29 orang guru dalam skim perkhidmatan dalam latihan di IPSHB berserta dengan empat orang pensyarah maktab itu telah mengadakan lawatan singkat sambil belajar ke Pejabat Pusat Sejarah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Rombongan tersebut telah mendengar taklimat yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri dan diikuti dengan sesi soal-jawab mengenai sejarah Brunei.

Dalam penerangannya Yang Dimuliakan Pehin menyatakan pengertian sejarah antara lain adalah kumpulan kejadian-kejadian atau peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku pada masa yang lalu dan juga mengenai ingatan-ingatan yang tercatat di dalamnya yang melingkungi kegiatan dan kehidupan manusia.

Mengenai sejarah Brunei, beliau berkata, sejarah negara ini belum pernah ditulis dan ia masih di peringkat awal. Keadaan sejarah Brunei itu seperti piring yang pecah seribu, pecahannya itu terdapat di mana-mana. Pecahan-pecahan itulah yang sekarang ini sedang diusahakan dicantumcantumkan untuk ditemukan semula berdasarkan aspirasi orang-orang Brunei.

Memandangkan akan kepentingan sejarah itu kepada pembangunan bangsa dan negara maka dengan itu sejarah negara ini mestilah ditulis dan diselidiki oleh anak-anak tempatan dan tidak semata-mata bergantung kepada hasil tulisan kaji selidik para orientalis Barat kerana pandangan mereka itu adalah mengelirukan dan tidak bertepatan dengan fakta-fakta sejarah yang sebenarnya.

Berhubung dengan kemasukan Islam ke Brunei, Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan, dalam Tarsilah Brunei mengatakan bahawa Raja Brunei yang ketiga ialah Sultan Sharif Ali yang datang dari Ta'if pancir Amirul Mukminin Hasan cucu Rasulullah s.a.w. Bagindalah yang membina syariat Rasulullah dan membina masjid. Baginda ini telah lindung pada 836 H. bersamaan dengan 1432 M. Jika Sultan Sharif Ali ini lindung pada tahun yang disebutkan tadi sudah tentu Baginda datang dan mengembangkan ajaran Islam di negeri ini lebih awal lagi dari tarikh baginda lindung itu.

Mengikut riwayat Chin pula dalam tahun 1370 M. Raja Brunei pada masa itu bernama 'Mahamosa'. Sebutan Mahamosa itu mungkin adalah pelat orang China bagi menyebut Muhammad Shah. Kenyataan ini bersesuaian dengan Tarsilah Brunei yang menyebutkan Awang Alak Betatar selepas baginda Islam dan berkhawin dengan anak Raja Johor (Singapura Tua) Baginda menggunakan nama Sultan Muhammad Shah. Dalam riwayat China yang lain, iaitu pada 1405 M., Laksamana Cheng Ho telah datang melawat Brunei, beliau meriwayatkan Raja Brunei pada masa itu berugama Islam dan keluarga baginda bernama Pengiran.

Oleh yang demikian, katanya lagi, dakwaan para orientalis Barat mengenai kemasukan ugama Islam ke Brunei dalam tahun 1550 M. itu adalah tidak benar dan mengelirukan.



KELIHATAN guru-guru tersebut sedang mendengar penerangan dari YDM Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.

# Peniaga bumiputera boleh berhubung terus keluar negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peluang kini terbuka luas bagi peniaga-peniaga bumiputera berhubung terus dengan peniaga atau pengilang luar untuk mendapatkan bekalan barang-barang perniagaan, yang selama ini terpaksa diperolehi melalui orang-orang tengah.

Menurut Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh, kemudahan sedemikian boleh diperolehi melalui keahlian mereka dalam Gabungan Perniagaan Bumiputera GPB yang bukan setakat menyatupadukan peniaga-peniaga bumiputera tetapi juga akan memudahkan urusan perniagaan dengan peniaga-peniaga luar negeri.

"Saya berpendapat dengan sokongan dari GPB yang mana sudah dikenali oleh peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha di luar negeri, maka sudah tentu urusan-urusan perniagaan akan dapat dikendalikan dengan lebih berkesan pada mendapatkan bekalan barangan dengan harga berpatutan dan berkualiti," jelas beliau.

Awang Haji Zakaria menambah kata, pendedahan negara semenjak kemerdekaan telah menarik banyak rombongan perniagaan dan perusahaan dari negara luar, terutama negara-negara Asean, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, dalam membuat perhubungan perniagaan dengan peniaga-peniaga asing, Awang Haji Zakaria mengingatkan supaya peniaga-peniaga bumiputera sentiasa berwaspada pada perkara-perkara yang tidak diingini dalam dunia perniagaan.

Berucap di Majlis Doa Kesyukuran Peniaga-Peniaga Bumiputera sempena memulakan perniagaan di Bangunan Letak Kereta Bertingkat baru-baru ini, Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi seterusnya berharap supaya mereka yang mendapat tempat perniagaan di bangunan itu akan menumpukan sepenuh minat pada menjalankan perniagaan untuk tidak mensia-mensiakan hasrat Kerajaan akan kejayaan bumiputera dalam perniagaan.

Kerajaan setakat ini telah meluluskan sejumlah lebih 50 juta ringgit bagi membiayai projek-projek perusahaan peniaga-peniaga dan pengusahaan-pengusahaan bumiputera semenjak Skim Kemudahan Kewangan dimulakan hampir lapan tahun lalu.

Jumlah tersebut adalah bagi membiayai projek perumahan dan pemborong, serta perniagaan dan perusahaan bidang seperti pertanian, perikanan, pengangkutan, kedai-kedai makan, restoran, kedai runcit dan lain-lain projek.

# Guru-guru juga perlu ajarkan peraturan jalan raya

SERIA. — Pemangku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali berkata, guru-guru perlu mengajarkan murid-murid sekolah tentang peraturan tata-tertib semasa menggunakan jalan raya, selain mengajarkan mata-mata pelajaran di sekolah.

Dato Paduka Haji Mohd. Ali menyatakan, melalui pengajaran tersebut ianya sekurang-kurangnya dapat mengatasi jumlah kemalangan jalan raya di negara ini di mana ketika ini terdapat semakin banyak bilangan kenderaan, manakala kemalangan juga terus meningkat.

Berucap semasa merasmikan Permainan Lalulintas Peringkat Negara di Taman Permain Lalulintas Shell Ahad lepas beliau selanjutnya menjelaskan betapa mustahaknya setiap para pengguna jalan raya supaya sentiasa berawas-awas menggunakan jalan raya di samping mematuhi setiap peraturan kerana keselamatan bukan saja tanggungjawab pemandu-pemandu kenderaan bahkan juga meliputi semua orang.

Dato Paduka Haji Mohd. Ali juga menegur setengah-tengah pemandu bas sekolah yang sewenang-wenangnya menaikkan serta menurunkan anak-anak sekolah di tempat yang bukan dikhaskan, yang menurutnya perbuatan seperti itu sering mengakibatkan kemalangan.

"Kecuaian seseorang pengguna jalan raya serta tidak mematuhi peraturan undang-undang jalan raya adalah di antara sebab-sebab yang mengakibatkan maut," jelas Dato Paduka Haji Mohd. Ali.

Beliau menyesali tentang kurangnya tanggungjawab dalam meresapkan kebaikan Permainan lalulintas di kalangan kanak-kanak sekolah yang pada asasnya bertujuan bagi melatih kanak-kanak sekolah untuk berdisiplin semasa di jalan-jalan raya.

Juga amat dikesali ialah keberanian sebilangan anak-anak sekolah memandu kereta tanpa ditemani oleh seorang pemandu berlesen dan dilindungi oleh pihak Insurance.

Beliau menjelaskan jika perkara tersebut berterusan mungkin akan mengakibatkan kemalangan. Hukuman dari perbuatan tersebut selain daripada denda, ianya juga boleh menerima hukuman penjara.

Pemenang peraduan pada tahun ini ialah Sekolah Misi St. Michael dari Daerah Belait dengan markah 124, tempat kedua ialah Sekolah Persediaan Inggeris Haji Mohammad Salleh Sg. Hancing dari Daerah Brunei-Muara dan tempat ketiga pula ialah Sekolah Rendah Pengkalan Batu juga dari Daerah Brunei-Muara.

Terdahulu dari itu acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari Pegawai Hal Ehwal Masyarakat Barat Brunei BSP merangkap bersama Jawatankuasa Tertinggi Pusat Pentadbiran Permainan Lalulintas Brunei Shell Awang Mohd. Shariff bin Haji Naweh.

Turut hadir di majlis itu ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin OKSP Tudin, Pengarah Urusan Brunei Shell, Awang Nico Van Dijk dan Pegawai Kanan Kerajaan dan Shell Brunei.



SEJURUS selepas berucap, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali seterusnya menarik tirai perasmian lalulintas Shell sebagai menandakan perasmiannya.

BEGINILAH aksi permainan lalulintas Shell yang diperlihatkan oleh sebahagian kanak-kanak sekolah.



# ASEAN: PERTUBUHAN SERANTAU YANG BERWIBAWA

Sambungan

Oleh Mohd Salleh bin Abd Latif

### PERLENGKAPAN INDUSTRI ASEAN

Dalam usaha bagi memperkembangkan komponen-komponen kenderaan yang dikeluarkan oleh ASEAN beberapa persetujuan telah dicapai dengan memberi keutamaan-keutamaan kepada kesepakatan di bawah:

Indonesia diperuntukkan bagi mengeluarkan enjin diesil yang bertenaga 80 hingga 135 kuasa kuda, pasak roda motorsikal dan rim roda motorsikal.

Malaysia dikhususkan bagi pengeluaran tali pinggang keledar, ruji atau kisi-kisi jentera serta tombol-tombol (nipples) dan rantai-pandu serta rantai-masa kenderaan.

Filipina pula akan mengeluarkan rangka badan untuk kereta penumpang dan pasak roda depan dan roda belakang kenderaan.

Singapura pula diperuntukkan kepada pengeluaran nut-nut penyambungan secara menyeluruh yang diperlukan oleh kenderaan dan lain-lain pasak serta tombol-tombol yang ringan.

Thailand dipusatkan untuk mengeluarkan rangka badan untuk kereta yang beratnya melebihi satu tan dan lain-lain lagi seperti brek untuk trak, absorber dan bumper dan lain-lain.

Projek pengeluaran kenderaan ASEAN ini tetap memperhitungkan kemungkinan-kemungkinan untuk mengadakan usahasama dengan pengeluar terkemuka kereta dari Jepun seperti Toyota, Mitsubishi, Nissan, Isuzu dan Honda dan lain-lain pengeluar kereta Jepun. Dalam pada itu pengeluar-pengeluar kereta dari Eropah dan Amerika juga diambil kira untuk diminta bantuan mereka agar projek ini berjaya.

### USAHASAMA INDUSTRI ASEAN

Pengenalan usahasama industri ASEAN juga merupakan suatu perkembangan yang agak baik dalam hubungan kerjasama industri ASEAN kerana projek ini bukan sahaja melibatkan negara anggota malah pihak-pihak swasta di negara anggota juga diduga menyertainya. Dan penglibatan pihak swasta di negara anggota inilah yang sesungguhnya akan memajukan usahasama serupa ini.

Persetujuan asas usahasama industri ASEAN ini menggariskan, "untuk memberi garis pandu rangka pertubuhan yang membolehkan jentera kerajaan dalam ASEAN dan swasta dapat bekerjasama untuk mengenali peluang-peluang merumuskan rancangan dan mencipta reka bersama atas dasar faedah kepentingan bersama untuk negara anggota serta pengeluaran perusahaan yang meningkat untuk rantau ini secara menyeluruh."

Para pelabur dalam projek ini diperbolehkan mencari tempat yang sesuai di mana-mana negara anggota bagi mengungkayahkan projek ini dengan beberapa perhitungan kelonggaran tarif yang dikenakan oleh pihak yang terlibat.

### KERJASAMA BIDANG GALIAN

ASEAN juga memperluaskan kerjasama dalam bidang galian dengan cuba mewujudkan beberapa lembaga seperti pengkajian pemasaran bahan kaolin di kalangan negara anggota. Cadangan untuk menubuhkan pusat latihan keselamatan perlombongan dan kesihatan di samping projek eksploratasi uranium di negara anggota ASEAN juga akan diperhitungkan.

Suatu tinjauan bersepadu berhubung dengan aspek-aspek pembangunan galian di Tenggara Asia juga akan diadakan.

### KERJASAMA BIDANG ARANG BATU

Bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang arang batu ASEAN ini telah diadakan beberapa perundingan antara pakar-pakar arang batu ASEAN dengan ESCAP dan Bank Pembangunan Asia (Asia Development Bank — ADB).

Keterangan lanjut mengenainya berhubung dengan matlamat bidang kuasa dan lain-lain masih lagi dirundingkan antara pakar arang batu ASEAN dengan Sekretariat ASEAN, walau macammanapun peruntukan bagi mengungkayahkan pengkajian ini akan ditanggung oleh Bank Pembangunan Asia (ADB). Rancangan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation Development Plan — UNDP) dan negara anggota ASEAN.

### PELANCONGAN

Bagi memesatkan tanggungjawab di bidang ini, ASEAN telah menubuhkan Pertubuhan Pelancongan Kebangsaan (National Tourism Organisation — NTO's) dalam mana ketua-ketuanya telah mengadakan permesyuaratan kali ke-2 di Manila pada bulan Februari 1983.

Pada bulan itu juga diadakan forum mengenai dengan pelancongan ASEAN yang menegaskan tentang ASEAN TRAVEL yang hendak memusatkan perkhidmatan pelancongan antarabangsa di bawah satu bumbung dan ASEAN dicadangkan pembekal kepada perkhidmatan serupa itu.

Dalam pada itu persidangan tahunan juga dilangsungkan di kalangan Persatuan Pelancong ASEAN (ASEAN Tourism Association — ASEANTA), Persekutuan Kesatuan Pelancong ASEAN (Federation Of ASEAN Travel Association — FATA) dan Kesatuan Hotel dan Restoran ASEAN (ASEAN Hotel and Restuarant Association — AHRA).

Bagi menarik pelancong-pelancong ke negara ASEAN beberapa promosi melalui kegiatan seperti pertunjukan dan pembahagian pamplet-pamlet serta cenderamata telah dilangsungkan di luar negeri seperti di London, Frankfurt, Tokyo, Los Angles dan Sidney.

### PERKAPALAN

Kemajuan di bidang ini juga dipertingkatkan dengan cara menseragamkan bentuk-bentuk pengendalian mengenainya seperti program latihan bersama, pembahagian maklumat, pembentukan peraturan berhubung dengan pengendalian barang-barang merbahaya di samping mengkaji secara merata berhubung dengan operasi pelabuhan-pelabuhan, kawalan pencemaran, keselamatan dan lain-lain lagi.

### KENDERAAN DARAT

Program penyempurnaan kerja di bidang ini dipecahkan kepada empat bentuk program iaitu Institut dan Pembangunan Umum Kenderaan Darat, Pembangunan Jalan Raya, Pembangunan Landasan Kereta Api, dan Kerjasama Antarabangsa mengenai dengan isu-isu kenderaan darat.

Matlamat asas program ini ialah bertujuan untuk menseragamkan lambang-lambang kebangsaan serta peraturan kenderaan darat semata-mata jua bagi keperluan pergerakan penduduk dan barang-barang di lingkungan ASEAN.

Cadangan ke arah pengiktirafan semua negara anggota sedang diusahakan bagi lesen memandu domestik yang dikeluarkan oleh ASEAN.

### PENERBANGAN AWAM

Dua belas projek telah disepakati untuk dikembangkan dalam bidang ini yang telah dikumpulkan kepada dua unit projek yang masing-masing bernama Penerbangan Awam dan Pembangunan Perkhidmatan yang berhubung dengannya, dan Pembangunan dalam Pengangkutan Udara.

ASEAN juga telah mengadakan perundingan dengan negara ketiga berhubung dengan peningkatan hak-hak penerbangan di ruang udara kepunyaan masing-masing pihak semata-mata bagi mencari penyelarasan dalam tindakan non-discrimanasi terhadap pesawat-pesawat perdagangan kepunyaan ASEAN di samping mencari ikhtiar agar pemasaran harga tiket tidak diperdagangkan secara sembarana yang bertujuan merugikan pihak ASEAN.

### TELEKOM DAN POS

Dua program telah diperkenalkan dalam bidang ini. Satu ialah Pembangunan Sistem Perkhidmatan Pos. Kedua, Pembangunan Sistem Perkhidmatan Telekom.

Sebelas bentuk projek diperuntukkan kepada pembangunan sistem perkhidmatan telekom yang kebanyakan dalam bidang projek latihan di samping persefahaman dalam projek serantau satelit ASEAN dan projek kabel submarine ASEAN.

### KERJASAMA BIDANG PENERANGAN DAN KEBUDAYAAN

Kerjasama dalam bidang ini dipertanggungjawabkan kepada suatu jawatankuasa yang dipanggil sebagai Committee on Culture and Information (COCI).

COCI menjalankan kegiatannya dalam lima bidang iaitu Kesenian Visual, Pertunjukan Kesenian, Kesusasteraan, Pengkajian ASEAN dan Perhubungan Media.

COCI melaksanakan kegiatannya secara bergilir-gilir diuntukkan kepada masing-masing negara anggota yang berkaitan dalam bidang festival nyayian, pertukaran artis-artis radio dan televisyen, festival pertunjukan kesenian, festival filem, simposium arca, bengkel musik belia, pertukaran program kebudayaan khusus untuk radio dan tv dan minggu filem ASEAN.

Dalam pada itu COCI juga akan menjalankan lima projek terbaharu yang masing-masing dikendalikan oleh negara anggota.

Indonesia dijadikan negara penyelaras bagi pengkajian archelogi, tarian tradisi, musik rakyat dan kesenian visual tradisi. Permainan tradisi ASEAN, dan latihan untuk juruhebah radio dan tv dalam penerbitan program kebudayaan dipertanggungjawabkan kepada Malaysia yang bertindak sebagai negara penyelaras. Manakala Thailand pula akan menyelaraskan fungsi perhubungan dalam pembangunan sosio-budaya serta bengkel dan pertunjukan senilukis belia ASEAN. Filipina dijadikan negara penyelaras dalam bidang hubungan ASEAN melalui musik dan pengantolojian kesusasteraan ASEAN. Singapura dijadikan negara penyelaras bagi pertukaran kurator ethnografi dan selingan musik ASEAN yang merupakan suatu filem selingan yang bercorak kebudayaan setempat.

Telah banyak kegiatan yang dilakukan oleh COCI di bawah perbelanjaan Tabung Kebudayaan ASEAN antaranya ialah yang berkaitan dalam bidang kesenian visual seperti mengadakan Pameran dan Pertunjukan Lukisan dan Gambar ASEAN pada tahun 1982, Bengkel Pertunjukan Lukisan Belia ASEAN tahun 1982, Pertunjukan Lukisan Belia Nasional 1982; Simposium Arca ASEAN Yang Pertama; Simposium Arca ASEAN Yang Kedua; Bengkel Pertunjukan Lukisan Belia ASEAN 1983.

Pertunjukan kesenian yang berupa persembahan musik, tarian tradisi dan lain-lain juga dilaksanakan di samping pertukaran antoloji kesusasteraan ASEAN dan pertukaran-pertukaran di bidang perhubungan awam seperti Minggu Filem ASEAN dan sebagainya.

### TABUNG AMANAH ASEAN

Tabung Amanah ASEAN bagi teknologi dan sains telah ditubuhkan bagi melaksanakan tujuan gerak rancangan ASEAN dalam teknologi dan sains dalam mana sumbangan untuk amanah ini diterima dari negara ketiga serta pertubuhan antarabangsa.

Projek yang dijalankan ialah projek protein ASEAN yang diselaraskan oleh Thailand dengan kerjasama sumbangan kewangan dari Kerajaan Australia melalui ikatan program kerjasama ekonomi Australia-ASEAN (ASEAN — Australia Economic Cooperation Programmes — AAECP); Projek Pembangunan dan Pengkajian Dalam Teknologi Permakanan, Peta ASEAN dan Projek Atlas Cuaca ASEAN, Projek Berhubung Dengan Persekitaran ASEAN dan lain-lain lagi.

### KERJASAMA BIDANG TENAGA

Kerjasama di bidang tenaga antara ASEAN dengan lain-lain negara ketiga juga telah dilakukan umpamanya kerjasama tenaga antara ASEAN dengan Australia, ASEAN, dengan New Zealand dan ASEAN dengan Kumpulan Pemasaran Eropah (EEC).

### PROJEK PEMBANGUNAN PELAJARAN ASEAN

Projek ini dikendalikan bersama oleh ASEAN dengan Australia. Projek ini bertujuan untuk mempertingkatkan kepakaran masing-masing dengan cara pertukaran pemikiran-pemikiran di kalangan para pakar di bidang pelajaran di samping menokok tambah pengalaman yang berhubung dengan sistem pengurusan pembelajaran, pembaharuan pelajaran di kalangan para guru dan lain-lain lagi.

### PROGRAM KEPENDUDUKAN ASEAN

Program ini diperkenalkan bagi mempertingkatkan kerjasama serantau dalam bidang kependudukan di samping memperluaskan kerjasama itu di peringkat antarabangsa seperti dengan negara ketiga dan pertubuhan antarabangsa lainnya.

Malaysia telah mengambil inisiatif dengan mengadakan satu persidangan mengenai dengan kependudukan ini melalui unit penyelaras kependudukan ASEAN dengan Institut Kependudukan Barat-Timur, Honolulu yang dilangsungkan di Honolulu, Jepun dan Korea Selatan pada tahun 1982.

### NARKOTIK DAN GANJA

ASEAN begitu mengambil berat dalam masalah penyalahgunaan narkotik dan ganja ini. Banyak usaha telah diambil bagi memusatkan langkah-langkah bijaksana seperti cara pencegahan agar tidak disalahgunakan, kawalan pengedar-pengedar dadah dan lain-lain lagi.

Banyak kursus-kursus telah diadakan bagi menambah pengalaman di kalangan pegawai-pegawai narkotik yang diselenggarakan di pusat latihan narkotik yang bertempat di Thailand.

Di Universiti Filipina telah ditubuhkan sebuah unit yang berhubung dengan latihan-latihan pembelajaran pencegahan narkotik ASEAN dan telah berjaya mengadakan satu seminar berhubung dengannya pada bulan Mei 1982.

Di samping itu di Pusat Latihan Pemulihan Penagih-Penagih Dadah di Malaysia telah merancang untuk mengadakan tiga jenis kursus berhubung dengan hal-hal narkotik seperti runding-cara dan lain-lain lagi.

Berhubung dengan pemulihan ini, pertukaran maklumat di kalangan negara anggota bagi penagih-penagih dadah adalah sangat perlu bagi menseimbangkan rencana pemulihan dan pengubatannya.

### PROGRAM WANITA ASEAN

Program ini diperkenalkan dengan memberi keutamaan kepada bidang kesihatan, pembelajaran dan pekerjaan. Ini termasuklah projek-projek seperti penglibatan wanita ASEAN dalam rancangan kesenian dan kebudayaan, latihan vokesyenal wanita ASEAN dan lain-lain lagi.

### PROGRAM BELIA

Mesyuarat pertama yang diadakan di Yogjakarta pada bulan Februari 1983 berhubung dengan belia ini telah mencadangkan beberapa rumusan seperti penerangan, pengkajian dan pembangunan belia yang diselaraskan oleh Indonesia.

Kerjasama luar belia diselenggarakan oleh Filipina, manakala Singapura menyelaraskan program pertukaran belia dan Malaysia pula menyelaraskan khemah belia dan kegiatan yang berhubung dengannya.

Suatu deklarasi bersama telah disepakati bagi memperteguh kerjasama belia ASEAN yang telah ditandatangani oleh Menteri-Menteri Luar ASEAN pada sidang permesyuaratan kali ke-16 yang dilangsungkan di Bangkok pada 24 Jun 1983.

### SIKAP BRUNEI DARUSSALAM DALAM ASEAN

ASEAN terus menunjukkan kemantapannya dalam bidang ekonomi serantau, persefahaman dalam pendekata politik antarabangsa meskipun dalam waktu ini dunia sejagat mengalami recessi ekonomi yang secara sedar atau luar sedar turut menjejaskan ASEAN.

Kemajuan-kemajuan yang telah dicapai ini telah menarik minat masyarakat antarabangsa bagi menghormati atau mengalati ASEAN sebagai suatu pertubuhan yang kuat yang menegaskan tentang konsep kawasan damai, bebas dan berkecuali di Tenggara Asia. ASEAN sebuah pertubuhan serantau yang berwibawa, yang akan terus menyuarakan pendapat-pendapatnya sesuai dengan matlamat yang hendak dituju.

Sikap negara kita dalam ASEAN telah dinyatakan menerusi sabda ucapan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, sewaktu penerimaan rasmi keanggotaan Brunei Darussalam ke dalam ASEAN. Antara lain Duli Yang Teramat Mulia bersabda, "Sebagai anggota ASEAN, Brunei Darussalam akan menjalankan kewajipan menurut kebolehannya. Kami menyedari bahawa sebagai

Lihat muka 9

# Kemudahan belajar banyak disediakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dayang Hajjah Misli binti Haji Awang berkata, kemudahan untuk belajar pada masa ini banyak disediakan untuk kita menggunakannya jika dibandingkan di zaman lampau.

Di antara kemudahan tersebut jelasnya ialah buku-buku bacaan dan majalah di perpustakaan yang disediakan oleh Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Perpustakaan Bergerak ke sekolah-sekolah, kampung-kampung dan daerah-daerah seluruh negara.

Ketua Lembaga Peperiksaan Dayang Hajjah Misli binti Haji Awang berkata demikian di majlis penyampaian mengarang Majalah Mekar anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka bertempat di Balai Pameran di sini baru-baru ini.

Seterusnya beliau menambah, bahawa peranan ibu bapa juga tidak terkecuali pentingnya dalam membimbing anak-anak mereka menggunakan masa lapang dengan kerja-kerja dan aktiviti-aktiviti yang berfaedah seperti menyertai peraduan-peraduan bercerita, melukis, mengarang serta memasuki pertubuhan beruniform seperti pengakap, pandu puteri dan lain-lainya.

"Peluang serupa ini perlulah diambil perhatian dan rebutan oleh anak-anak bukan semata-mata untuk mendapatkan hadiah, tetapi yang penting ialah untuk menyertai dan mengemaskan lagi bakat yang ada pada diri anak-anak," tambah beliau.

Terdahulu dari itu ialah ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Awang Haji Alidin bin Haji Othman. Di antara lain beliau menjelaskan bahawa bidang karang mengarang ini adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan di mana melalui karangan seseorang dapat menyampaikan fikiran, ciptaan atau imaginasinya.

"Karangan yang baik akan dijadikan bahan bacaan yang baik, yang sudah tentunya dapat membantu pada pembentukan pemikiran atau mental yang sihat yang amat berguna dalam usaha-usaha kita membangun negara," kata beliau.

Peranan pengarang dalam pembangunan negara memang tidak dapat dinafikan, para pengarang dapat membantu menyebarkan daya pemikiran kreatif, kritis, positif dan objektif sambil itu beliau mengharapkan para pengarang hendaknyalah menggunakan kebolehan mereka pada jalan untuk tujuan membina, bertanggungjawab yang bukan di sebaliknya.

Di samping itu karangan yang baik tidak hanya terletak pada gaya bahasa dan teknik yang baik tetapi yang penting adalah sikap pengarang dalam menyampaikan maksud, ujar Awang Haji Alidin.

Di akhir majlis tetamu kehormat Dayang Hajjah Misli telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada pengarang-pengarang muda yang berjaya dalam peraduan tersebut.



PEMENANG Pertama bahagian A Dayang Hamamah binti Yahya dari Sekolah Saint John, Kuala Belait ketika menerima hadiah yang disampaikan oleh Ketua Lembaga Peperiksaan Dayang Hajjah Misli binti Haji Awang.

# Pemenang mengarang Mekar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sebanyak 285 penyertaan telah diterima bagi menyertai peraduan mengarang Majalah Mekar anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka tahun ini yang terbuka kepada murid-murid yang berumur antara lapan hingga 15 tahun.

Dari jumlah 110 orang peserta yang dihakimkan hanya enam peserta telah terpilih selaku pemenang-pemenang yang termasuk 10 peserta pemenang saguhati.

Peraduan ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A bagi murid-murid yang berumur antara lapan hingga 12 tahun dan Bahagian B bagi murid-murid yang berumur antara 13 hingga 15 tahun.

Peraduan mengarang Majalah Mekar adalah bertujuan untuk membiasakan murid murid menghuraikan idea secara objektif, membentuk ayat yang kemas, ejaan yang betul serta memilih bahasa yang tepat, menimbulkan minat kepada penulisan yang boleh dijadikan sebagai hobi dan pada memberikan peluang kepada murid-murid menulis dalam Majalah Mekar.

Keputusan peraduan adalah seperti berikut: Bahagian A (8 hingga 12 tahun) pemenang pertama ialah Dayang Hamamah binti Yahya, kedua Dayang Noredzuhara binti Haris, dan ketiga Dayang Bibihani binti Ibrahim.

Bagi pemenang saguhati Bahagian A ialah Awang Roslan Haji Hussin, Dayang Hayati Awang Hidup, Awang Sukri Shahperi, Ak Zulkarnin Edham Ali dan Dayang Tuty Aryaty Bujang.

Sementara keputusan Bahagian B (13 hingga 15 tahun), pertama ialah Awang Zainal bin Sabang, kedua Awang Mohd Nasrin bin Haji Mohd Tanjong dan ketiga Dayang Ratna binti Ahmad.

Pemenang-pemenang saguhati ialah Dayang Norjijah Yunus, Dayang Rahimah Serudin, Dayang Norputemah Haji Puteh, Dayang Salmah Balit dan Awang Ismail Burut @ Maidin.

# Penuntut PLTB lawat Pejabat Ukur



PENUNTUT-penuntut tersebut sedang mendengar penerangan dari Awang Zainuddin (no. 3 dari kanan) ketua Unit Photogrammetic, Pejabat Ukur.

BERAKAS. — Seramai 9 orang penuntut termasuk 3 penuntut perempuan tahun kedua yang menghadiri kursus Land Surveying dari Pusat Latihan Teknikal (PLTB) Jalan Muara telah membuat lawatan sambil belajar ke Pejabat Ukur di bawah Kementerian Pembangunan baru-baru ini. Penuntut-penuntut tersebut telah disertai oleh seorang Pensyarah mereka Awang Srisi-beliangam.

Penuntut-penuntut itu telah melawat ke bahagian Pemetaan iaitu Unit Photogrammetic, Unit Certography, Unit Keprography dan Unit Micro-film.

Mereka telah menerima penerangan tentang tugas-tugas di bahagian Pemetaan keseluruhannya. Sementara itu di Unit Photogrammetic pula mereka telah diberi penerangan oleh ketua Jurutera Photogrammetic Awang Zainuddin bin Noor tentang kegunaan alat-alat Photogrammetic tersebut.

# PROJEK BEKALAN AIR TEMBURONG SIAP TAHUN DEPAN

**Oleh: Jahri Abd Latif**

PEKAN BANGAR. — Keperluan bagi perbekalan air yang menyeluruh untuk Daerah Temburong dijangka akan dapat dilaksanakan apabila projek perbekalan air peringkat kedua yang menelan berjuta-juta ringgit itu siap dalam tahun 1985.

Kajian berhubung dengan projek tersebut telah dijalankan dua tahun lalu oleh Syarikat Perunding Watson dan Hawskey untuk meneliti rancangan membesarkan perbekalan yang ada masa ini daripada 350,000 kepada 1.2 juta gelen sehari serta rancangan meluaskannya ke kawasan sebelah timur (Bangar — Kampong Piasau-Piasau dan Ulu Senukoh) dan sebelah selatan (Bangar — Kampong Simbatang).

Loji Tapisan Air di Kampong Sumbiling juga akan dibesarkan di mana ianya akan melibatkan pembinaan sebuah tangki sedimentation, lima buah tapisan, kelengkapan-kelengkapan kamikal di samping penggunaan dua buah enjin pengepam secara berterusan serta pembinaan sebuah tangki rendah yang memuat 100 ribu gelen untuk penyimpan air terbersih.

Untuk pembahagian perbekalan ke sebelah selatan hingga ke Kampong Simbatang sebuah tangki dengan muatan 300 ribu gelen akan dibina di Kampong Sibulu sementara perbekalan ke sebelah timur pula tangki mengandungi 200 ribu gelen akan diletakkan di antara Lakiun dengan Kampong Labu Estate.

Paip-paip berbagai ukuran akan digunakan untuk menyalurkan air ke kampung-kampung yang berkenaan. Daripada Loji Tapisan Kampong Sumbiling — Kampong Salangan 16 inci paip besi, Kampong Salangan — Pekan Bangar 12 inci paip besi, menuju ke arah timur dari Pekan Bangar — Kampong Batu Apoi lapan inci paip besi dan sambungan ke Kampong Labu Estate, Piasau-Piasau serta Senukoh akan menggunakan enam inci paip a.c.

Sementara perbekalan ke arah selatan pula daripada Kampong Salangan — Kampong Sibulu paip berukuran 12 inci akan digunakan, bagaimanapun daripada kampung ini menuju ke Kampong Rataie akan menggunakan paip 15 inci jenis a.c. dan sambungan ke Kampong Bokok hingga ke Kampong Simbatang hanya akan menggunakan paip jenis yang sama berukuran enam inci.

Dari muka 8

anggota persatuan yang paling kecil dari segi bilangan penduduknya, peranan yang kami mainkan mungkin agak terbatas oleh banyak faktor antaranya ialah tenaga manusia. Namun demikian kami akan berharap untuk dapat bekerja dengan rapat dengan setiap anggota ASEAN demi untuk mencapai keamanan, kemajuan dan kemakmuran di rantau ini. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin menyampaikan salam mesra dan setinggi-tinggi penghargaan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kepada Tuan Yang Terutama Presiden Suharto atas utusan ucap selamat semasa kemerdekaan kami, serta keyakinan Brunei bahawa hubungan persahabatan yang dinikmati oleh kedua buah negara akan terus berkembang di kalangan anggota ASEAN bagi faedah rakyat dan penduduk kedua buah negara. Saya juga ingin menyampaikan sokongan dan kerjasama sepenuhnya dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada setiap kerajaan negara anggota ASEAN demi untuk mencapai matlamatnya."



# PEGAWAI PENCEN BERKURSUS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang Pegawai Pencen kini berada di Malaysia untuk mengikuti kursus penempatan di Kuala Lumpur.

Mereka ialah Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Damit, Dayang Rosnah binti Duraman dan Awang Nordin kin bin Haji Mohd. Daud.

Pegawai-pegawai tersebut menghadiri kursus penempatan di Kementerian Kebajikan Masyarakat selama sebulan.

Ini adalah pertama kalinya Pegawai Pencen dihantar untuk mengikuti kursus berkenaan.

# rtb/Intisari minggu ini



DI KELUARAN minggu ini rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar menempatkan pendengarnya lagi iaitu Awang Shahnan Lakim beralamat 31/H Jalan Dakula, Seria, Negara Brunei Darussalam.

Awang Shahnan akan bersama awda semua pada hari Selasa 13 November jam 4.00 petang.

### Sandiwara radio:

## "RINDU MEMAUT RASA"

KARYA Adi Ratna, Brunei yang berjudul 'RINDU MEMAUT RASA' akan mengisikan Sandiwara Radio Minggu Ini.

Penulis mengutarakan tentang masalah rumahtangga di mana watak Azli tidak begitu mengindahkan tanggungjawabnya sebagai seorang suami dan ayah dalam sebuah rumahtangga. Ia sebaliknya hanya mementingkan dirinya sendiri dan menurutkan hawa nafsunya untuk beristeri baru walaupun dengan cara ia harus berpisah dengan isteri pertama dan anak-anaknya.

Kasmah, seorang yang hidup dengan penuh kesabaran terpaksa juga memilih jalannya sendiri. Apa yang dikesali ialah sikap Azli yang mengambil kesempatan dari sikap Kasmah itu. Keputusan Kasmah untuk meminta diceraikan disambutnya dengan baik dan ia meneruskan juga hasratnya untuk mengahwini Norsiah.

Norsiah yang pada mulanya memang benci dengan perangai Azli, akhirnya terperangkap juga dalam jeratnya. Ekoran dari usahanya, Azli berjaya untuk memilikinya sebagai isteri. Walaupun sudah menjadi isteri Azli, Norsiah dapat merasakan bagaimana perasaan seorang isteri yang diceraikan, lebih-lebih lagi bertanggungjawab untuk membesarkan anak-anak, seperti apa yang dialami oleh Kasmah.

Setelah Norsiah mendapat seorang anak, perangai Azli yang lama berulang kembali. Ia sering pulang ke rumah jauh-jauh malam yang akhirnya datang ke pengetahuan ibu bapa Norsiah sendiri. Kerana tidak sanggup melihat anak mereka menderita, kedua orang tua Norsiah pun mendesaknya untuk menuntut cerai dari suaminya.

Setelah bercerai, Azli mula terkenang pada bekas isteri pertamanya dan cuba menginsafi perbuatannya. Dengan bantuan seorang teman akhirnya Azli pergi juga menemui Kasmah dan mengajaknya rujuk kembali.

Mungkinkah Kasmah bersedia memenuhi permintaan Azli itu? Untuk kepastiannya, ikutilah sandiwara ini sepenuhnya yang akan disiarkan pada 11 November, 1984 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk Maskupah Pg Tajuddin.

### *Radio Minggu Ini:*

# BAGAIMANA IRAMA BEGITULAH TARINYA

DALAM media penyiaran radio kita dewasa ini, kita tidak dapat lari dalam mengutarakan rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan. Sama ada rancak, sentimental, sedih dan yang lainnya, semuanya bertujuan sama iaitu untuk menghibur.

Alam pendengar mahupun peminat dalam sesebuah rancangan itu akan dapat merasakan kepuasan atau keseronokan jika hiburan yang disajikan itu bersesuaian atau serasi dengan dirinya, lantas pendengar atau peminat itu pula akan mengatakan bahawa rancangan itu baik dan bermutu.

Akan tetapi lain pula halnya pada perkara yang sebaliknya. Iaitu jika terdapat dalam putaran rancangan mingguan radio itu ada tiga puluh rancangan umpamanya, maka mungkin separuh dari rancangan itu diminati dan diingini oleh pendengar dan peminatnya, maka rancangan itu dapat dikatakan berjaya menarik hati pendengar dan besar kemungkinan pula rancangan yang dianggap berjaya dan menarik itu secara tidak langsung boleh menarik hati pendengar untuk sama meminati penerbitnya sendiri, dan tidak terkecuali mungkin peminat itu terpuja-puja atau terpuji-puji kepada yang menerbitkan rancangan itu. Itu besar kemungkinan, sebab selera adalah berbeza-beza.

Dalam merumpunkan kalimat ini, radio amat memberikan perhatian yang seimbang terhadap kemajuan dan perkembangan yang telah dicapai selaras dengan suasana masa dan perkembangan negara kita masakini.

Radio yang sudah kita maklum berfungsi sebagai penghubung itu dapat menyemarakkan lagi antara jalan dua hala. Satu jalan menyuarakan dasar kerajaan dan aspirasi rakyat pada keseluruhannya dan yang satu lagi sebagai alat penyambung dan penghubung kehendak penyempurnaan dasar yang disuarakan itu.

Tidak hairan radio akan sentiasa bersuara dan berada di mana-mana juga dalam memantuni perkembangan negara kita sekarang, kerana itu rentak irama, lagu dan tariannya amat perlu dipadankan dan dipersesuaikan dengan suasana masa dan tempatnya.

Jika orang berpidato, radio akan turut sama berpidato, jika orang sama berlagu radio juga akan sama turut berlagu. Jika orang merintih, sedih dalam tangisan, maka radio juga akan berbuat dalam perkara yang sedemikian itu.

Gambarkanlah bagaimana radio akan dapat melakukan semuanya itu, kalau tidak dengan kesungguhan dari para perlaksana yang turut sama berkecimpung dalam media penyiaran radio yang unik ini.

Kepada para pendengar juga peminat janganlah lupa, tidak kesemuanya hidangan yang disajikan setiap hari dan masa itu enak-enak saja rasanya, dan tidak juga makanan dan minuman yang disajikan di atas meja itu akan cukup planta, magerin, susu, kopi, roti dan sebagainya dalam satu ketika. Maka inilah juga bayangan yang perlu awda bayangkan dengan suara dari radio.

Bak kata tidak ada gading yang tidak retak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan dan kemarau juga tidak akan sampai semusim, ianya akan berlalu juga silih berganti. Radio tidak terkecuali dalam perkara ini, bagaimana irama maka akan begitulah tarinya.

### Resipi Minggu Ini:

## PUDING LAPIS TELUR

Bahan-bahan Lapisnya (bawah) :

- 10 biji kuning telur
- 4 biji putih telur
- ½ camca vanilla
- 8 auns gula pasir
- 1 tin susu cair.

Bahan-bahan Lapis (atas)

- 6 biji putih telur
- 4 auns gula pasir
- ½ camca garam
- ½ camca teh vanilla
- 4 auns kismis
- 4 auns cherry merah dan hijau

Cara Membuatnya :

Pukul kuning telur, putih telur, gula dan vanila sampai rata, masukkan susu dan kacau hingga rata, tapis ke dalam bekas yang berukuran 15-26 dan kukus selama 30 minit. Pukul putih telur, gula, garam dan vanilla sampai kembang dan kukus, tuangkan ke atas adunan yang telah dikukus tadi lalu tabur bahagian atasnya dengan kismis dan cherry, bakar dalam oven warna sampai kekuningan selama 10 minit. Angkat dan hidangkan.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 7 hingga 13 November 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Limau Manis | 7.11.1984 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Pangkalan Batu | 7.11.1984 | Rabu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 7.11.1984 | Rabu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Di hadapan Rumah Guru Kampong Kupong | 7.11.1984 | Rabu | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Melayu Jerudong | 10.11.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 10.11.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 10.11.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 10.11.1984 | Sabtu | 2.30– 3.00 | petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 10.11.1984 | Sabtu | 3.15– 4.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 10.11.1984 | Sabtu | 4.30– 5.30 | ,, |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 11.11.1984 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Di kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 11.11.1984 | Ahad | 10.15–11.15 | ,, |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara. | 11.11.1984 | Ahad | 11.30–12.00 | t/hari |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 12.11.1984 | Isnin | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan, Berakas | 12.11.1984 | Isnin | 3.30– 4.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 13.11.1984 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa Lambak | 13.11.1984 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 7 NOVEMBER

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 FRAGGLE ROCK
- 5.00 INSPECTOR GADGET (Episod terakhir)
- 5.30 DIFFERENT STROKES
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HART TO HART: "Long Lost Love" Pertemuan Jennifer dengan seorang wanita menimbulkan pengakuan ayahnya ada mempunyai seorang anak perempuan lagi. Jonathan merasa sangsi terhadap dakwaan wanita itu.
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.26 HART TO HART — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 MAGGIE BRIGGS: "Double Date"
- 9.35 THE MISSISSIPPI: "Town Without Pity"
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Bogie, The Last Hero"
- 11.45 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 8 NOVEMBER

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 FAT ALBERT AND THE COSBY KIDS
- 5.50 AGAINST THE ODDS
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 AGAINST THE ODDS — sambungan
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 AGAINST THE ODDS — sambungan
- 6.30 WONDERS OF THE WORLD: "Festival of Faeros"

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAUMA CENTER: "Breakthrough"
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.26 TRAUMA CENTER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 HIDAYAT
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.35 HAWAII FIVE O: "'D' Golden Noose"
- 10.35 MAN ABOUT THE HOUSE: "Come Into My Parlour" Robin telah pun mempunyai seorang temanita. Mereka sudah pergi ke pawagam dan ke disco. Malam ini diharap dia sahaja di flat dan temanita datang berkunjung!
- 11.05 POT BLACK 1983
- 12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 9 NOVEMBER

**TENGAH HARI**

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN

**PETANG**

- 1.25 SPORTS: Tennis with Mark Cox Squash Racquets
- 2.10 THE YEARLING: "First Encounter" (Siri baru)
- 2.30 HE-MAN MASTERS OF UNIVERSE (Siri baru)
- 3.00 RUBIK: THE AMAZING CUBE: "Time Machine Rubik"
- 3.25 WEBSTER
- 3.28 AZAN ASAR
- 3.32 WEBSTER — sambungan
- 4.00 MILLER'S COURT
- 4.30 RENTAK TARI
- 4.55 SCIENCE WORKSHOP
- 5.15 EXPEDITION DANGER
- 5.45 TOWARDS 2000
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TOWARDS 200 — sambungan
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 TOWARDS 2000 — sambungan
- 6.30 TEKA TEPAT

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 'V' SERIES
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.26 'V' SERIES — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 MUTIARA
- 9.45 KNOTS LANDING: "I'll Tell You No Lies" Kemarahan bertambah bagi Mark yang mendapati Karen sentiasa memerlukan pil manakala persahabatan dengan Gregory Summer telah retak. Diana merancang meninggalkan ladang (ranch) bersama Chip.
- 10.45 NEWHART
- 11.15 MIKE HAMMER: "Shots In The Dark"
- 12.00 GLENN CAMPBELL
- 12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 10 NOVEMBER

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 MARINE BOY: "Menace Of The Missing Bomb"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WILD AUSTRALIA: Against The Escarptment Tidak jauh dari Arnhem terletak Laut Arafura dengan ribuan pohon-pohon bakau. Di sana berjenis binatang, burung dan unggas jantan membuat sarang manakala betinanya mengubur dan menetas telur mereka sendiri.
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 WILD AUSTRALIA — sambungan
- 6.31 DOMESTIC LIFE: "Showdown At Walla Walla"

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 KNIGHT RIDER: "A Knight In Shining Armor" Michael dan K.I.T.T. terpaksa meyakinkan seorang gadis jelita anak seorang pengembara temasyhur bahawa dia menjadi seorang sasaran pembunuhan. Di samping itu Michael dan K.I.T.T. terpaksa berkejar dengan masa untuk mendapatkan waris gadis itu dengan bentuk harta terpendam sebagai hadiah harijadnya.
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.26 KNIGHT RIDER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 MARI MEMASAK: "Puding Lapis Telur" Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
- 9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Selamat Tinggal Masa Remaja"
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Wind And The Lion" Seorang Sheikh yang berpelajaran mencu'ik seorang janda bangsa Amerika berserta dua orang anaknya. Penulik menuntut tebusan dari Presiden Roosevelt siapa yang memutuskan supaya satu gerakan rahsia menyelamat diatur sebagai jawapannya. Pelakon-pelakon: Sean Connery, Candice Bergen, Brian Keith, dan lain-lain.
- 12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 11 NOVEMBER

**PETANG**

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.05 PINK PANTHER INSPECTOR
- 3.29 AZAN ASAR
- 3.33 JEFFERSONS
- 4.10 FANTASY ISLAND
- 5.00 ECONOMIC MADE EASY
- 5.15 HONDO: "The Ghost Of Ed Dow"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD: "The Mystery Of Mesa Verde" Kemungkinan mereka tiba di Colorado seribu tahun yang lalu, ke Mesa Verde. 700 tahun dulu mereka menghilang. Kita tidak tahu dari mana mereka datang; siapa mereka dan mengapa mereka menghilang dengan serta-merta Inilah salah satu mistri yang mencabar. THE MYSTERY OF MESA—sebuah bandar yang sekarang sedang mendiamkan diri.
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD — sambungan
- 6.30 BENSON: "Unlisted Love"

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIMON AND SIMON: "Dear Lovesick"
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.26 SIMON AND SIMON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI DEWAN RAYA
- 9.20 RAGE OF ANGEL Bhg. 4 (Episod terakhir)
- 9.50 CONDO: "The Franchise" James menjemput Jessie dan Maria ke rumahnya untuk meminjam wang 5000 dolar kerana satu pelaburan. James menerangkan tujuannya yang membuat Jessie bersetuju dengan syarat dia diberikan setengah dari jumlah pelaburan. Mula-mula James meno'ak, tetapi akhirnya bersetuju.
- 10.40 TALES OF UNEXPECTED: "Bird Of Prey"
- 11.10 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 12 NOVEMBER

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 DUKES OF HAZZARD: "A Hogg In Hongkong"
- 5.00 SMURFS
- 5.30 EXPLORE: "Children Of The Condor"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BARE ESSENCE: Dua perkahwinan yang tidak dikehendaki timbul dari skim Ava untuk mencarikan ayah kepada anaknya yang belum lahir. Lady Bobbi menjadi mangsa tuduhan terhadap satu pembunuhan di kapal layar mewah ketika dalam pelayaran di Aegean Sea.
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.26 BARE ESSENCE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 WRESTLING (Episod terakhir)
- 10.00 DOKUMENTARI: JOURNEY INTO INDIA: "In The Footsteps of The Danniels" Keith Adam mengesan jejak langkah dua orang ahli seni Inggeris siapa, sejak 1792, telah menghabiskan masa dengan tekun merakamkan keistimewaan bangunan-bangunan di Se'atan India, termasuk Kuil Kailashnath yang dipotong dari batu pejal.
- 10.30 MYSTIC WARRIOR Bhg. 4
- 11.30 SIARAN TAMAT.



JACLYN Smith sebagai Jennifer Parker, seorang peguam cantik dan pintar dalam siri RAGE OF ANGELS bahagian terakhirnya Ahad depan kira-kira jam 9.30 malam.

## HARI SELASA 13 NOVEMBER

**PETANG**

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 WORLD OF SURVIVAL: "A Sheltered Existence"
- 5.30 BUGS BUNNY SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NOVA: "Signs Of The Apes, Songs Of The Whales"
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 NOVA — sambungan

**MALAM**

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE FALL GUY: "Old Heroes Never Die" Pemain baseball Perkins berhutang 50,000 dolar dari perjudian sedangkan anaknya akan melangsungkan perkahwinan. Dia mencuri seutas rantai mutiara dari sebuah kedai pajak gadai untuk dihadiahkan kepada anaknya. Perkins juga sedang dicari oleh ketua pengganas Draper tempatnya berhutang. Penglibatan Colt untuk menolongnya kerana menyanjung "Perk" sebagai heronya ketika kecil dulu.
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.26 THE FALL GUY — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 ARENA SUKAN
- 9.35 THE YELLOW ROSE: "Sacred Grounds"
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Secrets"
- 12.00 SIARAN TAMAT.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.25 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 7 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

**PETANG:** 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 —Penyanyi Minggu Ini, 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.25 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Bangsawan Di Udara (Seri Rama siri ke-11), 5.00 — Rampai Petang, 5.15 — Sudut Pelita (SU), 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.15 — Pertandingan Asliram̲a Peringkat Suku Akhir '84 siri ke-4.

## HARI KHAMIS 8 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00 — Sains dan Perusahaan (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30—Permintaan Sukaramai.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih.

**PETANG:** 2.00 — Tetamu Minggu Ini (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.25 — Maja'ah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 9 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15—Soa'an Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

**TENGAH HARI:** 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.25 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Hiburan Petang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

**MALAM:** 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Maja'ah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

## HARI SABTU 10 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 2.00—Permintaan Hujung Minggu.

**PETANG:** 3.15 — Hiburan Petang, 3.25 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.

**MALAM:** 7.00 — Tinjauan (SU), 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 11 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Hiburan Pagi Minggu, 10.15 — Maja'ah Perdana, 11.00 — Sandiwara Radio, 12.00 — Tahniah dan Ucap Selamat.

**TENGAH HARI:** 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

**PETANG:** 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 —Hiburan Petang, 3.15 — Maja'ah Sukan, 3.45 —Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih (SU), 5.00 —Tetamu Radio, 5.45—Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.15—Selingan Irama, 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 12 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 —Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30 — Sains Dan Perusahaan, 11.00 — Sukma Ria.

**TENGAH HARI:** 1.30—Permintaan Hari Isnin.

**PETANG:** 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.15 — Ruangan Katani, 5.45 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

**MALAM:** 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Lagu-lagu Selingan (SU), 8.30—Kuliah Ugama (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 13 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00 — Suara Perajurit, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.00 — Untuk Awda, 11.30 — Panduan Wanita (SU).

**TENGAH HARI:** 1.30—Kusampaikan Salam.

**PETANG:** 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Hiburan Petang, 3.25 — Sukma Ria, 4.00—Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45—Senandung Senja, Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Ruangan Katani (SU), 7.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30—Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.30 | 35th Cheltenham Festival: Aeolian String Quartet Programme 5 (side 2 and 3) |
| 9.00 | Popular Classic: Stage Music Disc 8 (side 2 of 2) |
| 9.30 | Talking About Music — 287/290. |

### Thursday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme |
| 8.15 | Sixty Minute Theatre: Time and the Conways by J. B. Prestley. |
| 9.30 | Sarah Vaughn In Concert (side 2 of 3) |

### Fridays/Holidays

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | Fifteen Minute Theatre: "I Grow Old, I Grow Old" by Bernard Kops. |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 630. |
| 11.30 | Children's Half Hour |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | 19th Cambridge Folk Festival: Gillie McPherso—9/12. |
| 12.45 | My Music — 327/436. |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 1.15 | Book Club: The Hobbit by J.R.R. Tolkien — 8/15. |
| 1.30 | Break for music with Malay traditional songs — 47. |
| 1.45 | Just for variety by continuity announcer. |
| 2.00 | Soundtrack of the Sixties (K842 — 7 side 2A & 3A). |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8 00 | The World of Books |
| 8.30 | Thirty-Minute Theatre: A Very Good Piece of Work by Antenio Skarmeta. |
| 9 00 | Perspective |
| 9.30 | A Date With ...... (repeat) |

### Saturday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Melody Time |
| 8.30 | Animal, Vegetable or Mineral — 45/46. |
| 9.00 | Strictly Instrumental |
| 9.30 | Top of The Pops — 1042. |

### Sunday

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | Our Views — with chairlady Kate Symonds — 26/26. |
| 11.30 | Practical World |
| 11.45 | London This Week |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | A Date With ...... |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 1042 (repeat) |
| 1.30 | Weekend Greetings |
| 2.45 | "Yes Minister" — 1/8 |
| 3.15 | Just for variety |
| 8.00 | Our Views — 26/26 (repeat) |
| 8.30 | BBC Science Magazine |
| 9.00 | Beautiful Music — 38/60. |
| 9.30 | Soundtrack of the Sixties (K842 — 7 side 1B). |

### Monday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: The Last Escape by R.D. Wingfield. |
| 8.45 | The Guitar Greats; "Ritchie Blackmore" (side 1 of 2). |
| 9.30 | Sweet and Stylish by James Davis and Orchestra — 5/12. |

### Tuesday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You by Jaafar Yaakub |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special: "Culture Club" side 2. |

### Daily

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.32 | Quran and It's Translation |
| 6.45 | Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast |
| 7.30 | Local News with Tide Times |
| 7.35 | Brunei's AM (continued) |
| 8.30 | Chinese programmes. |
| 11.00 | Ladies at Eleven except Fridays and Sundays. |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break except Fridays and Sundays. |
| 12.30 | News followed by Brunei In History, and Weather Forecast |
| 2.00 | Close for morning transmission on Mondays-Thursdays |
| 4.00 | Close for morning transmission on Fridays and Sundays |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 9.15 | News. |

# MAKLUMAT KONTRAK DIBAHAGIKAN

KELUARAN pertama maklumat kontrak-kontrak yang diterbitkan oleh Jabatan Perkembangan Perdagangan Tempatan telah dibahagi-bahagikan kepada semua para pemborong bumiputera Shell Brunei.

Abdul Rahim Latif seorang penasihat di Jabatan tersebut berkata bahawa usaha untuk menerbitkan maklumat ini diambil supaya kesemua para pemborong mengetahui dengan jelas tentang tawaran-tawaran akan datang bagi kontrak-kontrak utama yang mungkin dapat dikeluarkan di antara bulan Oktober, 1984 hingga bulan Mac, 1985.

Maklumat ini memberikan penjelasan ringkas mengenai setiap tawaran, kelas kewangan yang diperlukan dan jabatan pemegang kontrak. Kontrak-kontrak kecil atau kontrak-kontrak yang berharga kurang dari $10,000 tidak dimasukkan kerana bilangan mereka ini banyak dan kebanyakan pekerjaan yang mereka jalankan tidak dapat diramalkan.

Walau bagaimanapun adalah tidak terjamin bahawa kesemua atau apa pun tawaran akan dikeluarkan dan kemungkinan bahawa yang lainnya buat masa ini akan disiarkan.

"Keadaan-keadaan bertukar dengan cepatnya dan ianya menghendaki keperluan-keperluan pemborong-pemborong Shell Brunei. Kami berharap bahawa ini memandangkan ke hadapan kemungkinan tawaran-tawaran akan datang berguna kepada setiap orang. Tetapi ini bukannya satu ataupun sebab-sebab utama maklumat ini.

Kami dapat melihat inilah caranya untuk memberi para pemborong penghuraian yang meluas mengenai aktiviti-aktiviti Brunei Shell dan khususnya kami harap bahawa ianya dapat menyediakan beberapa bantuan kepada mereka yang berkenaan dangan objektif-objektif jangkamasa yang panjang oleh bidang-bidang yang diperkatakan di mana peluang-peluang yang berkemungkinan ada bagi mereka.

"Ini menjadi kenyataan kepada kami bahawa kategori-kategori kerja di mana bumiputera yang berjaya telah menarik sebilangan besar para pemborong. Dalam pengurusan permakanan sebagai contohnya lebih dari 100 buah pemborong yang berdaftar yang berusaha untuk mendapatkan lebih kurang lima buah borongan setahun.

Selain dari itu terdapat kawasan-kawasan yang mana para kontraktor tempatan yang terdaya seharusnya berkemampuan untuk bekerja tetapi cuma menarik perhatian sebilangan kecil bumiputera. Peluang-peluang untuk berjaya bagi firma yang dikelolakan dengan betul mungkin lebih besar lagi di sini daripada bidang-bidang yang lebih popular," Abdul Rahim menerangkan.

Maklumat ini juga memberikan penerangan yang berguna di lain bidang dalam lingkungan perdagangan. Jenis-jenis perdagangan, keuntungan dan kerugian bagi lain-lain jenis perdagangan, risiko ke atas tanggungjawab yang terhad seperti dengan nyatanya diberi pengertian dan ini akan membantu para pemborong untuk menimbangkan apa yang baik bagi mereka.






SEBAHAGIAN dari para pekerja yang sedang mengikuti kursus tersebut.

## Pengurus baru

SYARIKAT Pemasaran Shell Brunei Sendirian Berhad mempunyai Pengurus baru, mulai 15 Oktober yang lalu. Beliau ialah Awang Bruce Randoll.

Awang Randoll menggantikan Awang Mat Suny Haji Hussin yang sekarang menjawat jawatan sebagai Pengurus Perkhidmatan-Perkhidmatan Kakitangan dan Organasasi di Seria.

Bruce yang tiba bersama isteri beliau, Allison bukanlah orang baru di kawasan ini. Semasa bertugas sebagai seorang pelaut, beliau banyak menghabiskan masanya di atas tenker-tenker yang membawa beliau ke Malaysia, Filipina, Indonesia dan beberapa tahun yang lalu beliau telah melawat Singapura sebanyak 12 kali untuk berbagai-bagai urusan.

Dalam tahun 1971 beliau bertugas dengan Syarikat Pemasaran Timur Tengah di Dubai sehingga tahun 1977.

Sebelum bertugas di sini, Bruce adalah Pengurus Pengkalan Pemasaran Shell Haven, sebuah pengkalan yang kedua terbesar di UK dengan jumlah pengeluaran 900,000 meter padu setahun. Pengkalan ini terletak kira-kira 35 batu di timur London.

## Kursus

SERAMAI 16 orang pekerja baru telah mengikuti kursus suaikenal selama tiga hari baru-baru ini.

Kursus bagi pekerja baru itu bermula pada 8 Oktober dan meliputi kesemua aspek syarikat-syarikat Shell Brunei mengenal perihal syarikat dan termasuk juga beberapa lawatan ke penempatan daratan dan luar pantai.



PEKERJA-pekerja baru yang menghadiri kursus suaikenal.

# KURSUS TEAME BERMULA

SERAMAI 30 orang pekerja telah mengikuti kursus TEAME (Rancangan latihan Untuk Pekerja Dewasa) di Pusat Latihan Shell Brunei selama 8 minggu.

Tujuan mereka mengikuti kursus tesebut adalah kerana ingin memperbaiki mutu pekerjaan mereka.

Russel Person, penganjur kursus tersebut ini telah memuji sikap para pekerja itu terhadap kursus yang dijalankan itu. "Mata pelajaran yang kami ajarkan kepada mereka ialah bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains dan juga kesedaran BSP."

Salah seorang peserta kursus itu ialah Awang Hassan Mohammad Tiban berumur 43 tahun. Beliau mula berkhidmat dengan Jabatan Merin Shell Brunei dalam tahun 1955 dan masa ini bertugas sebagai Pemandu Enjin Kelas 1, satu jawatan SSS yang dipegangnya semenjak tahun 1978.

"Saya tidak tahu yang melambatkan kenaikan saya. Satu daripadanya yang pasti ialah untuk memperbaiki mutu pekerjaan saya. Saya tidak perah mengikuti apa jenis kursus pun sebelumnya dan oleh kerana tidak dihadkan dalam peringkat umur seseorang untuk berjaya saya hadapi semua cabaran. Saya fikir mungkin kursus ini sebagai satu cabaran dan saya tidak kesah jika ianya mengambil masa setahun pun," kata beliau.

Osman Haji Ibrahim berumur 44 tahun dan tidak pernah mengikuti sebarang pembelajaran yang formal seperti ini sebelumnya. Saya bersetuju kepada kenyataan bahawa Bahasa Inggeris ialah bahasa perindustrian minyak gas. Walaupun saya kini sudah bercucu, saya fikir saya belum lagi terlambat untuk mempelajari bahasa itu dan saya benar-benar menghargai terhadap langkah-langkah syarikat untuk mengajar kami," katanya.

Metali Haji Damit dan Maiddin Haji Mat Yassin kedua mereka dalam lingkungan umur awal 30an. Kefasihan berbahasa Inggeris mereka adalah baik. Kedua-dua mereka bersekolah Melayu.

"Mata pelajaran yang diajarkan sudah tentunya memberi faedah kepada kami semua. Kami tidak menghadapi sebarang masalah pengertian apa yang telah diajarkan kepada kami oleh para pengajar dan kami optimis bahawa kami akan memperbaik diri kami sendiri dalam semua aspek pekerjaan kami setelah kami menghabiskan kursus ini," kata beliau.

Raul Mirasol, ketua Kemajuan Latihan Berkerja berkata bahawa mereka menerima sebarang cadangan dari para peserta untuk membuat rancangan ini lebih efektif.

"Mata pelajaran yang berkaitan dengan kesedaran BSP ialah satu yang menarik perhatian para peserta. Kami menerima banyak cadangan untuk menambahkan lagi bilangan lawatan ke pemasaran BSP. Kami bersetuju dengan cadangan itu dan adalah perlu bagi mereka untuk melihat sendiri apa yang berlaku di dalam jabatan-jabatan lain.

"Jabatan-jabatan lain yang berkenaan telah memberikan sokongan penuh terhadap rancangan ini. Mereka selalu bersedia membenarkan para pekerjanya untuk mengikuti kursus ini dan saya memang percaya bahawa rancangan ini akan memberi faedah kepada syarikat dan para pekerja dalam jangkasama yang panjang," tambah beliau.

## Janakuasa elektrik turbine mulakan tugas

JANAKUASA elektrik turbin gas 16 MW jenis TA-6 yang baru terletak di belakang loji janakuasa BSP telah mula berfungsi baru-baru ini.

Unit ini berperanan sebagai janakuasa elektrik bagi kegunaan BSP dan telah diserahkan kepada bahagian SES/321 pada 11 Oktober.

Peralatan ini telah dibekalkan oleh GEC Gas Turbin di England, yang telah menghantar jurutera-jurutera membantu mengawasi pemasangan yang dijalankan walaupun lain-lain kerja dijalankan oleh para pemborong tempatan. Pengurusan projek dan seluruh kawasan disediakan oleh EPS, Jabatan Projek Darat. Projek ini telah dimulakan dalam bulan Mac tahun ini.

Peralatan ini mengandungi janakuasa elektrik gas turbin LM 2500 salingan industri dari enjin CF-6 yang terdapat dalam kapal terbang 747. Unit ini direka dengan menggunakan kuasa gas tetapi juga boleh menggunakan minyak disel, sebagai satu unit persediaan jika tekanan gas yang tinggi tidak diperolehi.

Unit ini mempunyai bungkusan pembantu dengan perjalanan enjin disel penggerak dan pam minyak pelincir. Ianya juga mempunyai kabin pengawalnya sendiri walaupun ia biasanya akan beroperasi dari panel kawalan jauh yang bertempat di loji janakuasa yang ada sekarang.

## KES-KES KHALWAT SEMAKIN BERTAMBAH:

# PERTUNANGAN YANG LAMA SALAH SATU PUNCANYA

Oleh Timbang Bakar

**PERTUNANGAN yang lama di kalangan pemuda dan pemudi salah satu punca yang menyebabkan bertambahnya kes-kes jenayah khalwat dan persetubuhan haram di negara ini.**

**Punca pertunangan yang lama itu adalah disebabkan menunggu cukup belanja untuk mengadakan majlis persandingan di samping terpaksa menyediakan belanja-belanja hantaran yang banyak oleh pihak lelaki untuk dihantar kepada si gadis (tunangnya).**

**Perkara ini telah didedahkan dalam khutbah Jumaat pada 2 November lepas yang disampaikan oleh YDM Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd Aziz bin Juned di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara.**

### PENJENAYAH

Menurut khutbah itu, perzinaan itu banyak berlaku di kalangan pasangan-pasangan di dalam masa-masa pertunangan.

Perkara itu dapat dikesan ketika membicarakan penjenayah-penjenayah tersebut, antaranya ada yang memberitahu bertunang beberapa bulan, ada juga yang memberitahu setahun, ada juga yang dua tahun bahkan ada juga sampai tiga tahun.

"Dan seterusnya bila ditanya lagi: kenapa lama-lama bertunang, tidak kahwin? Banyak jawapan yang diterima: belum mampu, masih mengumpul wang."

Wang yang dikumpul itu, ujar khutbah itu lagi, bukanlah untuk membayar mahar bagi si lelaki, kerana mahar biasanya cuma $300.00 atau paling tinggi $500.00. Tetapi yang ditunggu itu ialah 'belanja hangus' yang bukan anak ratus tetapi beribu, bahkan sampai tiga ribu pun sudah ada.

### TANDA KASIH

"Itu belum termasuk belanja "tanda kasih", belanja melangkah dulang, belanja membuka mulut, belanja membalas hantaran dan lain-lain yang mungkin jumlahnya sampai lima kali atau sepuluh kali ganda dari kadar mahar yang wajib itu."

Kemudian mengikut keterangan khutbah itu lagi, yang lebih berat lagi yang mesti ditanggung oleh kedua belah pihak ialah perbelanjaan pada hari bersanding. Ia mungkin bagi masing-masing pihak mesti ada di tangan masa itu tujuh, lapan atau sembilan atau sepuluh ribu ringgit ataupun lebih lagi.

Untuk mendapatkan jumlah wang yang sebesar itu, maknanya masa pertunangan itu tidak boleh tidak terpaksa dilanjutkan. "Kadang-kadang sebelah pihak sudah ok, ada 'lampu hijau' boleh langsungkan perkahwinan, tetapi sebelah pihak lagi belum ok, masih 'lampu merah' kerana model belum besar, sedang upacara mesti besar-besaran. Kerana itu jika lambat terkumpul, lambat berlurih, maka lambat pulalah perkahwinan itu berlangsung."

### DIRINGKASKAN

Untuk 'jalan selamat', bagi memelihara ugama dan iman orang-orang Islam selanjutnya khutbah itu menyarankan supaya diringkaskan dan dikecilkan saja belanja perkahwinan itu!

Apa salahnya, ujar khutbah itu, dua calon mempelai yang sedang bertunang itu, jangan kita biarkan mereka hanyut lama-lama dalam haram, dalam pergaulan haram, tetapi cepat-cepat kita akad nikahkan mereka, "nikah gantung" menurut istilah orang sekarang sementara kita menunggu model cukup untuk suatu upacara bersanding secara besar-besaran — mengapa tidak kita lakukan ini? Kenapa mesti tunggu model besar dan lumayan juga?

Khutbah itu seterusnya mengingatkan, "upacara besar-besaran itu wajib, tetapi yang wajib itu ialah akad nikah belanja berbelas atau berpuluh ribu itu bukan wajib, tetapi yang wajib itu hanya mahar. Mengapa tidak mahu kita fahamkan hal ini?"

### 'IJAP' SANGAT

Hal itu bukan tidak disedari, bahkan semua orang tahu dan sedar, jelas khutbah itu lagi, cuma ada cacatnya, kesedaran itu masih kalah ditewaskan oleh cara berfikir yang lama 'ijap' sangat kepada perkataan 'nikah' itu sendiri. "Masyarakat lebih jinak dengan perkataan kahwin kerana itulah apabila disebut sahaja nikah dahulu, akad nikah dahulu, atau nikah gantung sementara menunggukan modal besar orang tidak mahu, orang enggan."

Puncanya, kata khutbah itu, kerana mereka terikat dengan cara berfikir lama yang tidak selaras dengan kehendak syarak, kononnya orang yang nikah saja-saja itu adalah orang bersalah sebelum menjadi suami isteri yang sah.

### JANGAN 'INGUL'

"Kerana itu, apapun terjadi, jangan timbulkan soal akad nikah dahulu, sebelum cukup modal, jangan cuba-cuba 'ingul', segala pintu perundingan tutup. Ertinya masyarakat kita ini lebih takut kepada kata-kata orang, lebih takut kepada andaian-andaian orang, daripada mereka takut terhentuk dan terlanggar hukum Allah yang melarang khalwat, melarang campur-gaul bebas dan melarang perzinaan itu."

Dalam perkara ini peranan ibu bapa terhadap anak-anak dan orang-orang yang di bawah tanggungan mereka adalah penting dalam memelihara kewajipan ini, kewajipan fardu, kewajipan syarak, yang dengannya sahaja dapat membuka segala pantang larang dan tegahan. Inilah namanya jalan berhati-hati, jalan selamat yang dikehendaki oleh syarak.

# Hubungan rapat dan kerjasama capai Kemerdekaan

BANDAR SERI BEGAWAN. —. Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman berkata, perhubungan yang rapat, sokongan dan kerjasama yang bertimbal balik di antara rakyat dengan Kerajaan dan Kerajaan dengan rakyat telah dapat diuji melalui pencapaian Kemerdekaan yang dilalui dengan selamat dan mendatangkan rahmat.

Awang Haji Badaruddin menjelaskan, berkat kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda dan berkat keyakinan kita sebagai rakyat yang sebahagian daripada negara, negara yang sedia bertuah ini akan menjadi tempat yang aman dan selamat bagi kita dan lebih penting bagi keturunan kita akan datang.

Awang Haji Badaruddin menjelaskan demikian di dalam siri Lawatan Penerangan bagi penduduk Mukim Lumapas di Bilik Taklimat, Jabatan Penerangan di sini baru-baru ini.

Mengenai dengan Lawatan Penerangan oleh penduduk mukim ini, Pengarah Penerangan itu menjelaskan bahawa penumpuan diikhtiarkan kepada kunjungan bersemuka dengan Kementerian Pembangunan, yang di bawahnya terdapat jabatan-jabatan yang meliputi semua perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan.

Dengan yang demikian, ujarnya, Kerajaan akan mengenal pasti akan masalah-masalah yang terdapat di mukim berkenaan, di samping wakil-wakil mukim tersebut mengenal pasti masalah-masalah dalam Kerajaan khususnya Kementerian itu sendiri secara dekat.



PEGAWAI Penerangan Pengiran Abd. Hamid bin Pengiran Haji Abas (no. 2 dari kiri), sedang menerangkan mengenai kerja pengendalian akhbar Pelita Brunei pada penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang Daerah Belait.

# Penerangan akan luaskan khidmatnya



DALAM lawatan tersebut, rombongan pelawat itu juga berkesempatan mengunjungi Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Subok. Di sini mereka diberi penerangan oleh Hajjah Kadariah, guru tenunan, mengenai tenunan kain.

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkembangan yang ada dalam pemikiran dan perancangan Jabatan Penerangan hari ini ialah untuk meluaskan khidmat penerangan yang bukan hanya setakat mengadakan lawatan tetapi cuba menjangkau lebih jauh ke arah penyertaan orang ramai kepada perkara-perkara yang perlu diketahui semenjak negara mencapai kemerdekaan.**

Ketua Unit Sivik dan Kemasyarakatan, Awang Haji Junaidi bin O.K.S.N. Haji Mohd. Safar menjelaskan jabatan itu telah menjalankan operasi dengan ligat melalui Majlis Taklimat yang bukan sahaja di jabatan tersebut, malah juga di daerah-daerah pedalaman, menerangkan dan memberitahu apa-apa perkembangan yang berlaku di sekitar Kerajaan dan negara.

Isu-isu yang disampaikan oleh Jabatan Penerangan sejak tahun 70an ialah mengenai soal-soal keselamatan, dan hingga ke tahun 80an isu yang disampaikan ialah mengenai dengan pencapaian Kemerdekaan hinggalah tercapainya Kemerdekaan.

"Hari ini pemikiran-pemikiran sedang dilakukan apakah isu yang akan disampaikan oleh Jabatan Penerangan sesudah Kemerdekaan. Inilah pemikiran yang akan kami explore, dibincangkan sebagai isu baru pada tahun-tahun mendatang," jelasnya.

Bagaimanapun, Lawatan Penerangan dalam hubungannya dengan perkembangan dan kemajuan Kerajaan dan negara ialah bertujuan ke arah pendedahan lebih dekat mengenai dengan perkembangan, kemajuan Kerajaan dan negara dalam perkara hal-ehwal semasa.

Selain dari objektifnya bagi menjalinkan hubungan dua hala antara orang ramai dengan cara bertukar pendapat dan memberikan fikiran dan cadangan, Jabatan itu juga berfungsi sebagai penyampai maklumat dan penerangan sekitar perkembangan dan kemajuan negara dan Kerajaan.

Berucap mengalu-alukan seramai 39 orang penduduk Mukim Lumapas dalam siri Lawatan Penerangan baru-baru ini, Awang Haji Junaidi seterusnya berharap agar ianya memberi faedah dan mempunyai kesan yang baik bukan sahaja dalam menjalinkan perhubungan dua hala tetapi juga untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman sekitar masalah kemajuan dan perkembangan negara waktu ini.

Siri Lawatan Penerangan bagi penduduk Mukim Lumapas baru-baru ini diisikan dengan sesi beramah-mesra dengan Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Selain dari itu, mereka juga telah mendengar taklimat mengenai struktur pentadbiran dan fungsi-fungsi Jabatan Penerangan dalam bahagian-bahagian yang tertentu.

# KERJAYA POLIS

POLIS DIRAJA BRUNEI

**BELIA-BELIA YANG BERKELAYAKAN AMBILLAH LANGKAH KE HADAPAN UNTUK BERKHIDMAT DEMI KESEJAHTERAAN NEGARA**



▲ PASUKAN PANJI-PANJI



◄ PASUKAN PERONDA KESELAMATAN JALAN RAYA

CAWANGAN PASUKAN SIMPANAN ►






▲ CAWANGAN POLIS LAUT

**BORANG-BORANG PERMOHONAN BOLEH DIPEROLEHI DARI MANA-MANA JUA BALAI POLIS YANG BERDEKATAN**

**ATAU**

**BERHUBUNG TERUS DENGAN PEGAWAI PENGAMBILAN DI IBU PEJABAT POLIS, GADONG**

**Tel: 23901 Sambungan 228, 229.**



◄ CAWANGAN TEKNIKAL SEMBOYAN

▼ PANCARAGAM POLIS



## TANGGAGAJI

REKRUT
$580 + $186 (elaun catuan)

MATA-MATA KELAS II
$625 hingga $695 + $100 (P. elaun)

MATA-MATA KELAS I
$650 hingga $785 + $100 (P. elaun)

KOPERAL
$730 hingga $985 + $100 (P. elaun)

SARJAN
$950 hingga $1080 + $100 (P. elaun)

*KEKUATAN TENTERA MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA DENGAN BERKHIDMAT DI DALAM*

# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**AWANG-AWANG BOLEH MENCEBURI BERBAGAI-BAGAI JURUSAN KETENTERAAN DENGAN GAJI YANG MEMUASKAN: SEPERTI YANG TERDAPAT DI DALAM 'B' TRADE DAN 'A' TRADE.**



## 'B' TRADE

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Rekrut | $ 580.00 | + | $213.00 | = | $ 793.00 |
| Soldadu | $ 625.00 | + | $213.00 | = | $ 838.00 |
| Lance Kopral | $ 655.00 | + | $213.00 | = | $ 868.00 |
| Kopral | $ 765.00 | + | $213.00 | = | $ 978.00 |
| Sarjan | $1,045.00 | + | $213.00 | = | $1,258.00 |
| Staff Sarjan | $1,190.00 | + | $213.00 | = | $1,403.00 |
| Peg Warrant II | $1,340.00 | + | $213.00 | = | $1,553.00 |
| Peg Warrant I | $1,555.00 | + | $213.00 | = | $1,768.00 |



## 'A' TRADE

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Soldadu | $ 650.00 | + | $213.00 | = | $ 863.00 |
| Lance Kopral | $ 670.00 | + | $213.00 | = | $ 883.00 |
| Kopral | $ 785.00 | + | $213.00 | = | $ 998.00 |
| Sarjan | $1,085.00 | + | $213.00 | = | $1,298.00 |
| Staff Sarjan | $1,215.00 | + | $213.00 | = | $1,428.00 |
| Peg Warrant II | $1,375.00 | + | $213.00 | = | $1,588.00 |
| Peg Warant I | $1,595.00 | + | $213.00 | = | $1,808.00 |

**INGIN MENJADI AHLI PAYUNG TERJUN BEBAS! INI ADALAH SATU-SATU JURUSAN YANG ADA DI DALAM ABDB.**



**PENGAMBILAN YANG KE-65 SEDANG DIJALANKAN, MENDAFTARLAH BERAMAI-RAMAI, UMUR AWANG ANTARA 17½-25 TAHUN, JIKA AWANG-AWANG BERMINAT DALAM KERJAYA TENTERA, HANTARLAH BORANG INI KEPADA :**

PEGAWAI PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NAMA.................................................................

NO. KAD PENGENALAN ....................... WARNA .....................

TARIKH LAHIR ......................................... UMUR .....................

ALAMAT ...............................................................

KELULUSAN ...........................................................

NO. TELEFON JIKA ADA ...........................................

TANDATANGAN.......................................................

TARIKH.................................................................

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PEMBUAT KAPAL

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PEMBUAT KAPAL di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Sukatan Gaji: E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Calon-calon hendaklah berumur antara 20 hingga 45 tahun. Mereka hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu dan membuat kapal/perahu.

b) Mestilah mempunyai pengetahuan yang baik mengenai jenis-jenis kayu yang diperlukan untuk membuat dan membaiki perahu.

c) Mestilah cekap menggunakan alat-alat perkakas berkuasa elektrik.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 13 Disember, 1984.

( Bil iklan : 224/1984 )
( E/1712/77 ).

## RADIO TELEVISION BRUNEI

Notice of Tender

No. RTB/24/84

Supply and installation of Cabin of Link Room on Sixth Floor Roof of RTB.

**Conditions of Tender**

1) TENDERS should be submitted to The Chairman of the Tenders Board, Fourth Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than twe've noon on Monday, 12th November, 1984.

2) Tenders received later than the above date shall not be considered.

3) Tenders should be forwarded in a plain sealed envelope which should not bear any indication of the identity of the tenderer however the reference number of the tender must be clearly indicated.

4) Tender documents, and further information must be obtained by application to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Te evision Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, up to one working day prior to the closing date of this tender.

5) A tender deposit of $200 is required, and will be refunded to all who submit genuine but unsuccessful tenders.

6) All tenders must also quote the latest completion dates for the work and delivery. Failure by a successful tenderer to meet this obligation may, at the discretion of Radio Television Brunei, result in cancellation of the order, particularly if RTB's operations or obligations are in any way compromised as a result of such delay. In such cases any tender deposit paid shall be forfeited.

7) Tenders agree that prices shall remain valid for a minimum of 90 days from the close of tender date.

8) The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## KENYATAAN TAWARAN

### ALAT-ALAT PERKAKAS ASRAMA SEKOLAH MENENGAH ARAB LELAKI HASSANAL BOLKIAH DAN SEKOLAH UGAMA (ARAB) MENENGAH PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk membekalkan alat-alat yang tersebut di atas, bagi kedua-dua buah sekolah menengah yang berkenaan seperti yang dibutirkan berikut :—

i) Katil besi (bujang) ukuran 36" x 72" — 100 buah
ii) Tilam jenis dunlop ukuran 36" x 72" x 4" — 100 buah
iii) Bantal jenis dunlop ukuran 17" x 26" x 4" — 200 buah
iv) Kerusi — meja murid — 200 set
v) Almari pakaian — 150 biji
vi) Meja makan — 40 biji
vii) Kerusi untuk dewan makan — 120 biji

2. Tawaran hendaklah dimasukkan dalam peti tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 November, 1984.

3. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas, tidak akan dilayan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan dimasukkan dalam sampul surat bertutup dan ditulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKALKAN ALAT-ALAT—PERKAKAS ASRAMA SEKOLAH MENENGAH ARAB LELAKI HASSANAL BOLKIAH DAN SEKOLAH UGAMA (ARAB) MENENGAH PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT" tanpa membubuh atau menunjukkan identiti pemborong dan ditujukkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, dialamatkan seperti di atas.

5. Wang cagaran tawaran berjumlah sebanyak $150.00 (Satu ratus lima puluh ringgit sahaja) hendaklah dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Kewangan, Tingkat Pertama, Bilik No. 202, Bandar Seri Begawan, pada bila-bila masa waktu bekerja hingga 17 November, 1984 hari Sabtu jam 3.00 petang.

6. Penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara ini bo'eh diperolehi dari Pengetua Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Batu 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.

7. Katalog atau gambar alat-alat yang ditawarkan hendaklah disertakan bersama untuk diteliti.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### Kerusi Meja Murid Untuk Sekolah Ugama

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 26 November, 1984 untuk membekalkan perkara di atas, sebanyak 1,500 pasang.

2. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang dinyatakan di atas, tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan dimasukkan dalam sampul surat bertutup dan ditulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKALKAN KERUSI MEJA MURID UNTUK SEKOLAH UGAMA" tanpa membubuh atau menunjukkan identiti pemborong.

4. Wang cagaran tawaran hendaklah dibayar sebanyak $100.00 (satu ratus ringgit sahaja) ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Kewangan, Tingkat Pertama, Bilik No. 202, Bandar Seri Begawan, pada bila-bila masa waktu bekerja hingga 24 November, 1984 hari Sabtu jam 3.00 petang.

5. Penerangan - penerangan lanjut mengenai contoh kerusi meja yang ditawarkan bolehlah diperolehi dari Bahagian Tawaran Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Tingkat Pertama Bilik No. 205.

6. Pemborong-pemborong yang menghantar tawaran mereka hendaklah menyertakan bersama salinan sijil atau surat kebenaran sebagai pemborong yang diiktiraf dan berdaftar

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.
di Jabatan Kerja Raya.

## THE DEPARTMENT OF WELFARE, YOUTH AND SPORTS

### Tenders for Prizes and Souvenirs for Pesta Sukan Merdeka.

TENDERERS are invited for the supply of Prizes and Souvenirs to The Department of Welfare, Youth and Sports, Negara Brunei Darussalam for the Pesta Sukan Merdeka 1985.

Details of quantities and specifications can be obtained from the Director of Welfare, Youth and Sports, 4th Floor, Old Airport, Negara Brunei Darussalam. A deposit of $500.00 (Dollars Five Hundred) is needed which will be refunded to unsuccessful tenderers on return of the documents and receipt.

In order to give ample time for the tenderers to fulfill the requirement in submitting the samples of prizes and souvenirs, the time is hereby extended from 30 October 1984 to 15 November 1984.

Tenders will be received by the Chairman of Tenders Board, Bangunan Kewangan, 4th Floor, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on the 15 November 1984.

Tenders should be submitted in plain sealed envelope marked:—

TENDERS FOR PRIZES AND SOUVENIRS FOR PESTA SUKAN MERDEKA.

The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any other tender.

## SEBAGAI PENYELIA KERJA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PENYELIA KERJA (Bangunan dan Kejuruteraan Awam) di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji :** B. 1 EB. 2 — $1420-$3760 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Calon-calon mestilah seorang penyelia kerani (binaan) dari kejuruteraan Tentera British (RE) atau mempunyai kelayakan dalam Peringkat HNC (Bangunan) dan mempunyai pengalaman yang luas dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerja di Kejuruteraan Tentera British (RE) atau dalam peraturan-peraturan PSA untuk pertubuhan-pertubuhan Tentera Darat, Laut dan Udara. Berpengetahuan dalam bidang-bidang pekerjaan dan kelengkapan mekanikal kejuruteraan yang berkaitan dengan pertubuhan-pertubuhan tentera.

**Tugas-tugas :**

1) Akan bertugas di bawah arahan Pegawai Perhubungan Projek-projek, yang mana melibatkan perancangan dan perlaksanaan kerja-kerja dan semua projek-projek baru yang besar bagi pihak Angkatan Bersenjata. Tugas-tugas juga termasuk dalam merancang dan pengawalan projek-projek seperti berikut :—

a) Membuat perhubungan dengan pakar-pakar dalam Angkatan Bersenjata dalam keperluan yang tertentu untuk meluaskan perkembangan dan pembangunan ketiga-ketiga pasukan tentera ABDB.

b) Membuat perangkaan perbelanjaan dan persediaan bagi penyata Q, termasuk melukis rajah yang menunjukkan bidang dan peringkat projek-projek.

c) Menasihat dalam bidang mekanikal dan kejuruteraan untuk penyata Arkitek dan ahli-ahli khas, bagi sebarang keperluan-keperluan tentera yang tertentu.

2) Tugas-tugas dan tanggungjawab rasmi :—

a) Memeriksa rajah-rajah kontrak, butir-butir dan BoQs. Mengesahkan rekod rajah-rajah.

b) Mengawas kemajuan dan makluman kepada kakitangan dan Unit-unit ABDB berkenaan perkara-perkara pemborongan, lebih-lebih lagi dalam serah menyerah.

d) Berhubung dengan pengawasan kerja-kerja bagi penilaian, makluman kerosakan dan penerimaan terakhir.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan SPA dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil--sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Disember, 1984.

( Bil iklan : 217/84 )
( E/2256/84 ).

## TAWARAN YANG BERJAYA

1 Tawaran JKR bagi proposed Refurbishing of Main Dome & Minarets at Masjid Omar Ali Saifuddin BSB — Fong Leong Contractor — $1,389,229.50 —4 bulan.

2 Tawaran JKR bagi proposed Junior Rank Club at Penanjong Contonment — kitchen Equipment Installation Tender — Kon Kim Electrical Co.— $96,077.00.

3 Tawaran Jabatan Stor bagi pembekalan A.C. Pipe & Joints for Sewerage—Hong Leong Industries—$104,657.50 — 3-4 bulan.

4 Tawaran Jabatan Stor bagi Pembekalan Cast Iron Fitting & Special — Asia Metal Pte Ltd — $7,382.40 — 8 minggu.

5 Tawaran Jabatan Elektrik bagi supply of Wiring Cables etc—M/s Scientific & Technical Product Co—$348,793.70.

6 Tawaran Jabatan Elektrik bagi supply & delivery of programmable Logic controller switch board — Syt Jurutera Siti Rafeah LSK Sdn Bhd — $26,000.00 — 1 minggu.

7 Tawaran JKR bagi penyambungan saluran-saluran najis awam untuk bangunan-bangunan Kerajaan BSB — Yale Construction & Dev Co — $58,580.00 — 3 bulan.

8 Tawaran JKR bagi pembinaan longkang konkrit sump dan pemasangan paip kalbat, gabion dan kerja yang berkaitan dengannya di Jalan Tungku Link Road Off Coastal Road — Hj Abd Rahman Mudim Bakar — $135,720.00 — 4 bulan.

9 Tawaran JKR bagi pembinaan longkang konkrit tetulang dan sump di Jalan Residency — Syt Yusma Jaya & Pengangkutan — $17,339.00 — 6 minggu.

10 Tawaran JKR bagi menyiapkan kerja-kerja membaiki dan mencat semula blok sekolah (PWD 1113), Dewan Makan (PWD 114) dan blok jamban SM Aw Hj Mohd Yusof Katimahar Mile 13 Jalan Tutong — Hj Abd Rahman Mudim Bakar — $60,470.00 — 3½ bulan.

11 Tawaran JKR bagi cadangan dinding penahan gabion tebing perkuburan Rangas Besar BSB — Syt Pg Omarali & Anak-Anak — $75,624.45 — 4 bulan.

12 Tawaran JKR bagi proposed Muara Port Wharf Extension — Fire Sprinkle system installation — At Transit Shed — Syt Perniagaan Elektrik Fongs Bhd — $484,128.75.

13 Tawaran JKR bagi one (1) unit plate bending roller to JKR — Jenli Enterprise — $42,700.00 — 3-4 bulan.

14 Tawaran JKR bagi sebulan mesin princih, penakah dan pembengkok siku (87/84)—Hopel Enterprise—$59,103.00 — 18-24 minggu.

15 Tawaran JKR bagi (1) unit mesin Kimpol kuasa enjin Diesel — Hopel Enterprise — $13,388.00.

16 Tawaran JKR bagi satu (1) buah penenggam kayu, jenis bangku untuk JKR — Hopel Enterprise — $13,722.00 — 8-16 minggu.

17 Tawaran JKR bagi (1) unit Bench power press for JKR — Hopel Enterprise — $13,276.00 ( + cukai ) — 10 minggu.

18 Tawaran stor kerajaan bagi membekalkan dua unit articulated vehicles (prime mover & trailer) — Econ Motors — $151,800.00 (tanpa cukai) — 4-5 bulan.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: 380 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Pakar Kolam Berenang Tempatan dan Pakar Luar Negeri yang berkongsi dengan pemborong tempatan untuk :

PROJEK No.: 84AW/KBS004
PENGGANTIAN ALAT-ALAT FILTER DAN PEMBAHARUAN KOLAM BERENANG DI KAMPONG ANGGEREK DESA DAN PUSAT BELIA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jurutera Perunding Ibrahim-Leeng, Tingkat Satu, Unit 4 & 5, Blok E, Bangunan Jefri Bolkiah, Seri Kompleks, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 November, 1984.

Tarikh tutup : 26 November, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 381 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/PEL152
CADANGAN MEMBUAT PAGAR KELILING, MEREKA DAN MEMASANG SISTEM KESELAMATAN UNTUK BANGUNAN DAN MEMBUAT JAMBATAN DI SEKOLAH MENENGAH SUNGAI KEBUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 November, 1984.

Tarikh tutup : 19 November, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 382 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No.: AD404/0101
CADANGAN KOMPLEKS PERUSAHAAN DI BATU 5, JALAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 November, 1984.

Tarikh tutup : 19 November, 1984.
Cagaran tawaran : $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 383 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 36/10
MENGATAP SEMULA, KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT ASRAMA LELAKI SEKOLAH MELAYU PUSAR ULAK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 November, 1984.

Tarikh tutup : 12 November, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 384 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 36/10
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA PEMBINAAN YANG SEDIA ADA PWD 1121, 1122 DAN 1123 DI SEKOLAH MELAYU MASIN, JALAN LIMAU MANIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 November, 1984.

Tarikh tutup : 12 November, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: 385 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: AD414/0100
PENANAMAN RUMPUT DI TANAH CURAM BAGI CADANGAN PERUMAHAN KERAJAAN DI KAMPONG KIARONG, (PERINGKAT II DAN III).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 November, 1984.

Tarikh tutup : 19 November, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00.

### BIL: 386 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: AW416/0703
PROSES PENAPISAN BAGI PROJEK SALURAN NAJIS GADONG (RETICULATION) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 November, 1984.

Tarikh tutup : 19 November, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: 387 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No : AW417/0300
PEMASANGAN CABLE PERHUBUNGAN UDARA 42000 KAKI DI ANTARA TANGKI SUNGAI BURONG DAN LOJI AIR LAYONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 November, 1984.

Tarikh tutup : 26 November, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 388 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No. : AD424/1501
PEMBINAAN 4 BLOK 12 UNIT RUMAH PANGSA UBAHSUAI KELAS "E" (RUMAH PANGSA KELAS "F" GELARAN BAGI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI) (3 JENIS BILIK TIDUR) DI KEM ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 November, 1984.

Tarikh tutup : 19 November, 1984.
Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 389 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas 'A' & 'B' (Pemasang Hawa Dingin) untuk

PROJEK No. : AD419/420102
PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI CADANGAN PUSAT SEJARAH, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jurutera Damit Beca Bhd, No. 4, Bangunan Menglait Satu, Batu 2, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 November, 1984.

Tarikh tutup : 19 November, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 390 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD401/0701
REBAN AYAM BERTELUR DI STESEN PERTANIAN TANAH JAMBU, JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 November, 1984.

Tarikh tutup : 26 November, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 391 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemboron Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 84AB/PEL181
PEMBINAAN 1 BLOK 8 UNIT TANDAS DI SEKOLAH MELAYU MASIN, LIMAU MANIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 November, 1984.

Tarikh tutup : 19 November, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 392 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/PEL179
PEMBINAAN SATU BLOK 4 UNIT TANDAS BAGI GURU-GURU LELAKI DAN PEREMPUAN DI SEKOLAH MELAYU TANAH JAMBU, JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 November, 1984.

Tarikh tutup : 19 November, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 393 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 84AB/PEL 180
PEMBINAAN 1 BLOK TANDAS BAGI SEKOLAH MELAYU SINAUT, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 November, 1984.

Tarikh tutup : 19 November, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan)

## JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## PEMBERITAHUAN TAWARAN RANCANGAN PERMAKANAN RUMAH-RUMAH SAKIT TAHUN 1985-1986

1. TAWARAN-tawaran untuk membekalkan bahan-bahan permakanan bagi Rumah-Rumah Sakit Bahagian Basah, Kering dan lain-lain (bagi jangka masa 22/23 bulan) akan diterima daripada Syarikat-syarikat/Pemborong-pemborong oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin 19 November 1984 jam 12.00 tengah hari.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Pemohon-pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan mestilah bukan terdiri daripada pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan dan tidak bekerja di mana-mana syarikat seperti BSP, Cold Gas (LNG), RBA dan di firma yang lain.

4. Keterangan-keterangan lanjut serta borang-borang tawaran boleh diperolehi di Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

5. Tawaran-tawaran mestilah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan serta ditulis tanda dengan terang seperti di bawah ini : —

"TAWARAN BAHAN-BAHAN PERMAKANAN DAN LAIN-LAIN UNTUK RUMAH-RUMAH SAKIT BAGI TAHUN 1985-1986"

Di luar sampul itu mestilah tidak ada sebarang tanda yang boleh mengenalkan nama pemohon dan setiap tawaran yang ditulis dengan tidak betul dan tidak lengkap akan dikira rosak dan ditolak.

6. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $500.00 bagi tiap-tiap satu jenis hendaklah dibayar pada masa mendaftar dan wang itu akan dikembalikan kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya. Jika pemohon-pemohon yang berjaya menolak tawaran, wang cagaran tidak akan dikembalikan.

7. Pemohon-pemohon mestilah mempunyai syarikat perniagaan yang berdaftar. Sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama-sama dengan borang tawaran yang telah diisikan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat kepada mana-mana tawaran atau tawaran-tawaran yang paling rendah.

9. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil borang-borang tawaran : —

| | | |
|---|---|---|
| Hari Isnin hingga hari Khamis | | |
| | — 8.30 pagi | — 11.30 pagi |
| | — 2.00 petang | — 3.00 petang |
| Hari Sabtu | — 8.30 pagi | — 10.00 pagi |

SENARAI JENIS-JENIS TAWARAN :

1. Rumah Sakit RIPAS, B.S.B.—Barang-barang makanan Basah/Kering/Kelas Satu/Bahan-bahan Umum.
2. Rumah Sakit S.S.B., Kuala Belait — Barang-barang makanan Basah/Kering/Kelas Satu/Bahan-bahan Umum.
3. Rumah Sakit Tutong — Hidangan Masak.
4. Rumah Sakit Temburong — Hidangan Masak.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI KETUA PENTERJEMAH

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai KETUA PENTERJEMAH di Pejabat Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: C.3-4—$1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan ijazah atau Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang penterjemah; atau.

b) Mempunyai kelulusan Peringkat 'A' dalam Bahasa Melayu dan Kertas Am (Inggeris) serta mempunyai pengalaman menterjemah sekurang-kurangnya 10 tahun; atau.

c) Mempunyai kelulusan Kepujian Peringkat 'O' dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta mempunyai pengalaman menterjemah sekurang-kurangnya 15 tahun.

Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang memiliki atau menunjukkan bakat serta kebolehan sebagai ketua yang dapat memberi tunjukajar serta bimbingan dan bertanggungjawab mengenai selok-belok penterjemah kepada kakitangan di bawah jagaannya.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darusalam.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Disember, 1984.

( Bil iklan : 219/84 )

( E/1438/82 ).

### Pemberitahuan Tawaran
### Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik

**BIL.: PPL/153/1984**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pembangunan yang berdaftar Kelas 'A' dan 'AX' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 3 Disember, 1984 bagi kerja-kerja berikut:—

ERECTION OF TUBULAR STEEL POLES ON RE-INFORCED CONCRETE PILES ALONG PERIMETER OF KAMPONG AYER ON BRUNEI RIVER.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada hari Sabtu 24 November, 1984 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tender yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $500.00.

**BIL. PPL/154/1984**

Tajuk Kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA BELAIT.

Tarikh tutup : 19 November, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : $200.00.

Kelayakan Pemborong : Internal Wiring Kelas "A" atau "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/155/1984**

Tajuk Kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI BILIK DARJAH TAMBAHAN UNTUK SEKOLAH MELAYU LABI, DAERAH BELAIT.

Tarikh tutup : 19 November, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : $200.00.

Kelayakan Pemborong : Internal Wiring Kelas "A" atau "B" atau "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/156/1984**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI 2 BLOK, 2 UNIT RUMAH KELAS "F" UNTUK JABATAN PELAJARAN BERTEMPAT DI SEKOLAH MELAYU RAMPAYOH, DAERAH BELAIT.

Tarikh tutup : 19 November, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cagaran : $200.00.

Kelayakan pemborong : Internal Wiring Kelas "A" atau "B" atau "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/157/1984**

Tajuk kerja : COMPREHENSIVE "ALL-IN" MAINTENANCE KONTRAK PEMELIHARAAN BAGI ALAT-ALAT HAWA DINGIN DI BANGUNAN KEMENTERIAN PELAJARAN, LAPANGAN TERBANG LAMA, JALAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 12 November, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : $200.00.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

A. **BIL: PPL/161/1984**

Tajuk: MEMBEKAL DAN PENGHANTARAN CABLE GLANDS

Tarikh tutup: 10 Disember, 1984.

Cagaran : $200.00.

B. **BIL: PPL/162/1984**

Tajuk: MEMBEKAL DAN PENGHANTARAN TWIN FLAT WIRE

Tarikh tutup: 10 Disember, 1984.

Cagaran : $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

## Sebagai Pembantu Rekod-Rekod Perubatan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PEMBANTU REKOD-REKOD PERUBATAN di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Sukatan Gaji : D. 1 EB 2-3 — $530-$1125 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah mencapai umur 18 tahun ke atas.

b) Mereka mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III aliran Inggeris atau kelayakan yang sebanding dengannya.

c) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan yang disebutkan di perenggan ( b ) di atas, tetapi telah berkhidmat di Bahagian Rekod-Rekod Perubatan sekurang-kurangnya 5 tahun akan diberi keutamaan untuk dipertimbangkan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa bekerja secara bergilir-gilir (shift).

b) Bersedia bertugas di bahagian lain-lain tempat (Klinik-Klinik Perubatan) yang ada mempunyai hubungan dengan kerja-kerja dan pentadbiran bahagian Rekod-Rekod Perubatan.

c) Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan dan keselamatan Rekod-Rekod Perubatan yang di bawah jagaannya.

d) Tidak terkecuali ditukar dari sebuah Hospital lain atau Klinik-Klinik dalam Negara Brunei Darussalam jika dikehendaki.

Calon-calon yang berjaya dikenakan tempoh percubaan selama 3 tahun sebelum ianya ditetapkan dalam jawatan.

Calon-calon yang berjaya dikehendaki menjalani ujian kecekapan sebelum ia menaiki tanggagaji EB2.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 1 Disember, 1984.

( Bil iklan : 192/1984 )
( E/1218/84 ).

## Sebagai Pemandu Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PEMANDU TINGKAT II di Jabatan Imigresen, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : F. 3-4 EB. 5— — $550-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas XI (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana di Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 30 November, 1984.

( Bil iklan : 227/1984 )
( E/2368/84 ).

### Pemberitahuan Tawaran

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam, di alamat Pejabat Kementerian Kewangan, tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari hari Isnin, 12 November, 1984 untuk membekalkan minuman jenis 'ORANGE JUICE' (pakai kotak) untuk Sambutan Maulud Nabi Muhammad S.A.W. Tahun 1405/1984.

2. Butir-butir lanjut mengenai minuman yang diperlukan adalah seperti berikut :—

i) Jenis minuman : Orange Juice Drink (pakai kotak).

ii) Isi kandungan : 250ML.

iii) Banyak dikehendaki : 50,000 kotak.

iv) Tempoh membekalkan sesudah tarikh pesanan diterima.

3. Syarikat-syarikat bolehlah menghantar beberapa jenis minuman orange yang berkenaan dan jenis orange yang ditawarkan itu hendaklah diyatakan serta isi kandungannya.

4. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

5. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka hendaklah menulis di luar sampul surat itu dengan perkataan "TAWARAN MINUMAN BAGI SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD S.A.W. TAHUN 1405/1984.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat menerima tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

### JABATAN TELEKOM
### KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1 TENDERS are invited for the Supply of Hot-Dip Galvanised Manhole, Joint Box and Aerial Fittings.

2 Tenders will be received by the Chairman Tenders Board, at the 4th floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12.00 noon on 3rd December, 1984. Tenders received after the said time and date will be rejected.

3 Tenderers must submit a sample of each item to be delivered at the tenderer's expense to the Director of Telecommunications, Telephone House, Jabatan Telekom, Negara Brunei Darussalam not later than 21 days after closing date of tender.

4 Failure to submit the sample of the offered item by the stipulated time shall invalidate the tenderer's offer.

5 Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked : —

TENDER FOR THE SUPPLY OF HOT-DIP GALVANISED MANHOLE, JOINT BOX AND AERIAL FITTINGS FOR JABATAN TELEKOM.
TENDER REF. : JTB/HQ/01/84

bearing no indication of the name of the tenderer.

6 Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $500.00.

7 Deposit shall be forfeited for invalid tenders.

8 The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### Tawaran Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 November 1984 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara :

**BIL. 64/1984**

PEMBEKALAN ASBESTOS CEMENT PRESSURE PIPES TO BS: 486/1966 INCLUDING CORRESPONDING JOINTS AND RUBBER RINGS (RUBBER RINGS TO BS: 2494) CLASS 'B' BITUMEN DIPPED PIPES TO BE SUITABLY PROTECTED AGAINST CHIPPING AT ENDS PIPES SHOULD BE IN STANDARD LENGTH OF 4 METRES.

**BIL. 65/1984**

PEMBEKALAN MASTER LAWN MOWER MODEL M184 FITTED WITH BRIGGS AND STRATTONS 3.5HP, 4 STROKES ENGINE NO. 92902.

**BIL. 66/1984**

PEMBEKALAN VIKING JOHNSON COUPLING COMPLETE WITH RUBBER RINGS AND GALVANISED BOLTS & NUTS FOR USE WITH A.C. PIPES & FITTED WITH LOCATING PLUG FOR STANDARD STEEL PIPES BERMACAM-MACAM UKURAN.

**BIL. 67/1984**

PEMBEKALAN INSPECTION COVER AND FRAME, GRADE 'A', HEAVY DUTY, SINGLE HEAT, FLAT, SCREW-DOWN TYPE, CLEAR OPENING SIZE : 24" X 18". OVERALL SIZE: 28" X 22", 84 LBS TO BS 497/1967.

**BIL. 68/1984**

PEMBEKALAN DISINFECTANT FLUID WHITE 1 GALLON TIN OR YOUNG'S LYSOL BP 4 X 5 LITRES TIN.

**BIL. 69/1984**

PEMBEKALAN GALVANISED CONTINOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BSS 1387/1967 CLASS MEDIUM SCREWED AND SOCKETED ENDS IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BS: 21 UNSOCKETED TO BE SUITABLY PROTECTED AGAINST DAMAGED.

**BIL. 70/1984**

PEMBEKALAN TYRE 7.50 X 16 — 6 PLY YOKOHAMA Y823 ATAU SEBANDING DENGANNYA.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.



SEJURUS selepas mengadap Field Marshall Sir Edwin Bramall kemudiannya menyembahkan 'General Service Medal' ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Field Marshall Sir Edwin Bramall, Ketua Turus Pertahanan United Kingdom.

# KETUA TURUS PERTAHANAN UK MENGADAP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Selasa lalu (30.10.1984) berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan United Kingdom Field Marshall Sir Edwin Bramall di Istana Nurul Iman.

Field Marshall Sir Edwin Bramall kini berusia 61 tahun, mula berkhidmat di Eropah, Jepun, Hong Kong dan Malaysia di samping menjawat jawatan-jawatan kanan.

Adalah difahamkan lawatan beliau ke negara ini antara lain untuk mengadakan perbincangan biasa mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan kepentingan bersama di samping menunjukkan minat yang berterusan United Kingdom di kawasan ini.

Berangkat sama ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan.

Menyertai dalam Majlis Mengadap tersebut ialah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini Awang Francis Cornish dan tiga orang Pegawai Tentera, di mana kemudiannya Field Marshall Sir Edwin Bramall menyembahkan 'Pingat General Service' ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Terdahulu dari itu Field Marshall Sir Edwin Bramall telah membuat kunjungan ke Ibu Pejabat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Berakas. Dalam kunjungan itu beliau telah dialu-alukan oleh Pegawai Pemerintah Brigedier Jeneral Dato Paduka Seri JPW Friedberger dan seterusnya memeriksa perbarisan.

Semasa dalam kunjungan itu Sir Edwin Bramall telah mendengar taklimat yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Brigedier Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad. Dari Ibu Pejabat Angkatan Bersenjata, Sir Edwin Bramall meneruskan lawatan ke padang tembak Binturan di Tutong bagi menyaksikan latihan menembak oleh pasukan helikopter dari Squadron Kedua Tentera Udara dengan diiringi oleh Pegawai Memerintah Tentera Udara Lt. Kolonel Dato Seri Laila Jasa Pengiran Abidin.

Di akhir rangka lawatannya tiga hari ke negara ini, beliau telah berkesempatan membuat lawatan ke Pasukan Keenam Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles yang berpengkalan di Seria, sejurus sebelum berlepas meninggalkan negara ini Rabu lepas.

# ISTIADAT BERSIRAM DAN DOA SELAMAT

PEKAN MUARA. — Istiadat Bersiram dan Doa Selamat telah berlangsung di Istana Darul Aman, Pekan Muara pada hari Ahad lepas.

Istiadat tersebut berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibul Nabalah Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metussin.

Istiadat tersebut ialah bagi Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam sempena selepas 40 hari meluaran seorang puteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah.

Istiadat pada petang itu dimulakan dengan persembahan zikir oleh pegawai-pegawai masjid yang dikepalai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Mayasin bin Damit serta diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 21 das.

Doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail.

Istiadat tersebut telah dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri, Yang Dimuliakan Pehin dan pembesar-pembesar Negara.



PERSEMBAHAN zikir oleh pegawai-pegawai masjid di Istiadat Bersiram di Istana Darul Aman.

# KERJAYA TENTERA BUKAN UNTUK SEMENTARA

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar menyarankan belia-belia negara ini supaya tidak mensifatkan kerjaya tentera sebagai kerja sementara bagi mereka yang tidak bernasib baik untuk mendapatkan kerja-kerja luar.

Sebaliknya anggaplah, atau jadikanlah kerjaya tentera sebagai pekerjaan yang mulia, dihormati, selain ianya mempunyai peluang-peluang yang cerah seandainya rajin berusaha.

Berucap selepas menerima "Tabik Kehormatan" daripada seramai 53 orang rekrut yang baru menamatkan latihan asas ketenteraan di Padang Kawat Pusat Latihan Bolkiah Jumaat lalu, beliau menyatakan setiap perajurit supaya sentiasa menumpukan taat setia kepada Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam serta Undang-undang Negara di mana menurutnya kesemua itu adalah kewajipan utama semua pihak termasuk rakyat dan penduduk di negara ini.

Terdahulu dari itu Dato Paduka mengulangi sekali lagi sabda Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan dalam upacara yang sama pada 9 Mac 1984 lalu yang antara lain mengharapkan agar latihan yang diikuti oleh rekrut-rekrut akan sentiasa dijadikan bahan berguna dalam melayakkan para anggota perajurit ke dalam Angkatan Bersenjata, selaras dengan peranan tulang belakang negara, bangsa dan ugama.

Menurutnya lagi, latihan-latihan asas yang baru saja dijalani itu bukanlah saja



DATO Paduka Awang Haji Judin bin Asar

setakat sampai begitu saja, malah ianya adalah merupakan titik-mula kehidupan seorang tentera di mana menghendaki disiplin serta hemah yang tinggi agar sentiasa dihormati oleh semua orang sesuai dengan tugas sebagai pelindung negara.

Melalui latihan-latihan dan kursus-kursus yang dijalani itu jelas Dato Paduka seterusnya, akan dapat membentuk sebuah pasukan yang terlatih, bersatu padu, cekap, serta berkeupayaan untuk bertindak bila-bila masa dikehendaki.

Rekrut terbaik bagi pengambilan 63 ini disandang oleh Awang Haji Suhaili bin Haji Mail. Awang Seruji bin Tuah pula menyandang sebagai Penembak M16 dan Penembak HBAR Terbaik. Sementara dalam bahagian Latihan Jasmani, terbaik ialah Awang Punca bin Gunong, manakala Jurulatih Terbaik disandang oleh Kopral Mohidi bin Ramli.

Seramai 16 orang pegawai dan kakitangan dari semua cawangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga telah menerima Pingat Kerja Lama dan Perangai Baik, yang disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Brigedier Jeneral Dato Paduka Seri JPW Friedberger.

# 2,463 calon akan duduki SPS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 2,463 orang calon akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Singapura Cambridge Peringkat 'O' dan 'A' 1984 bagi Aliran Melayu.

Dari jumlah itu seramai 1,064 orang calon akan menduduki peperiksaan tersebut dalam peringkat 'O'.

Lembaga Peperiksaan telah menyediakan 10 buah pusat bagi peringkat 'O' manakala 9 buah pusat bagi peringkat 'A'.

Dalam peringkat 'O' seramai 734 orang calon dari Daerah Brunei-Muara akan menduduki peperiksaan mereka di 6 buah pusat iaitu Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Sekolah Menengah SMJA, Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Sekolah Menengah Arab Perempuan RIPAS, Sekolah Melayu Pusar Ulak dan Pusat Tingkatan Enam.

Dua buah pusat bagi calon Daerah Belait yang seramai 95 orang, akan berpusat di Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam dan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin.

Sementara calon bagi Daerah Tutong seramai 175 orang akan berpusat di Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan 52 orang calon dari Daerah Temburong akan berpusat di Sekolah Melayu Sultan Hassan.

Bagi calon peringkat 'A' Daerah Brunei-Muara seramai 964 orang calon akan menduduki peperiksaan mereka di 6 buah pusat iaitu Pusat Tingkatan Enam, Sekolah Rendah Pulaie, Sekolah Rendah Delima Satu, Sekolah Rendah Amar Pahlawan, Sekolah Menengah Menglait dan Sekolah Rendah Pintu Malim.

Manakala di Daerah Belait seramai 113 orang calon akan berpusat di Sekolah Menengah Melayu Mohamad Alam. Sementara di Daerah Tutong seramai 103 orang calon berpusat di Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan 222 orang calon dari Daerah Temburong akan berpusat di Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.